



# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

*SENATE*

PARLIMEN KEEMPAT

*Fourth Parliament*

PENGGAL KETIGA

*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1053]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam [Ruangan 1084]**

**Rang Undang-undang Pinjaman (Bank Pembangunan Islam) [Ruangan  
1115]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Perak).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ DATUK ABDUL AZIZ BIN TAPA, D.K.S.J., A.M.N., P.J.K., (Melaka).
- „ JENDERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK SERI J. E. S. CRAWFORD, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

**Isnin, 8hb Ogos, 1977**

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**PERJALANAN AKTIVITI PENGUASA-  
PENGUASA TEMPATAN**

1. **Datuk Abdul Aziz bin Tapa** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan oleh kerana di masa yang akhir ini selalu dibincangkan mengenai identiti Malaysia, adakah apa-apa rancangan Kementerian ini untuk menghiaskan semua bandar-bandar besar atau lapangan-lapangan terbang besar juga di pelabuhan-pelabuhan di tanahair kita ini dengan lambang-lambang yang berbentuk ke Malaysiaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan tidak mempunyai kuasa secara langsung terhadap perjalanan dan aktiviti penguasa-penguasa tempatan yang berkuasa di bandar-bandar besar atau kecil di seluruh tanahair melainkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ada mengambil berbagai-bagai tindakan untuk mencantikkan bandar tetapi tindakan-tindakan tidak boleh dibuat secara sekali gus kerana soal kewangan yang terhad pada masa ini disebabkan priority yang lebih adalah diberikan kepada soal-soal menjalankan projek-projek socio-ekonomi seperti perumahan dan sebagainya.

Bagi penguasa-penguasa tempatan lain, tanggungjawab mengindahkan bandar bukanlah tanggungjawab khusus tetapi kerja

ini adalah dibuat mengikut budibicara (discretion) atau mengikut kemampuan penguasa-penguasa tempatan berkenaan. Mengikut kajian Kementerian ini tidak ada sebuah penguasa tempatan pun di dalam Malaysia ini melainkan Dewan Bandaraya sendiri yang mempunyai kemampuan kewangan dan kebolehan tenaga kerja untuk menjalankan tugas seperti ini yang akan menelan belanja yang besar. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerajaan Tempatan sedang berusaha untuk menarik minat Kerajaan Pusat di dalam segi memperkuat kedudukan kerajaan-kerajaan tempatan di seluruh tanahair dengan cara bantuan secara langsung oleh Kerajaan Pusat.

Perkara ini sedang di dalam pertimbangan pada masa ini. Dengan adanya penglibatan Kerajaan Pusat secara langsung dari segi kewangan maka adalah diharapkan penguasa-penguasa tempatan seluruhnya akan dapat menyusun semula kedudukannya, baik dari segi organisasi maupun dari segi kewangan bukan sahaja untuk meninggikan mutu perkhidmatan perbandaran yang menjadi tugas utamanya, tetapi juga untuk melancarkan program-program lain yang ada kaitannya dengan kebersihan, keindahan alam sekitar dan sebagainya kerana perkara ini adalah menimbulkan kebaikan kepada Negara.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan mana, adakah soalan No. 1 yang ditanya oleh Datuk Abdul Aziz bin Tapa, ataupun soalan mana?

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 1.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari jawapan yang diberi sebentar tadi nampaknya Kementerian yang berkenaan itu tidak mempunyai kuasa. Saya

suka bertanya adakah kemungkinan bagi Kementerian yang berkenaan mengaturkan satu perjumpaan di antara wakil-wakil Majlis Tempatan supaya mengambil berat dalam masalah ini umpamanya di bawah kuasa-kuasa tanah kita tahu di bawah kuasa Negeri, tetapi diadakan satu badan yang boleh dianjurkan oleh Kerajaan Pusat. Dan sini saya suka bertanya samada kemungkinan bagi Kementerian yang berkenaan itu menganjurkan satu perjumpaan supaya memberi bimbingan dan pandangan kepada Majlis-majlis Tempatan.

**Tuan Law Hieng Ding:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, adalah sebuah Council yang dinamakan National Council for Local Government yang dianggotai oleh Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri dan Menteri-menteri lain yang berkenaan yang bermesyuarat beberapa kali setahun yang mana diperlu. Di dalam mesyuarat itu biasanya diadakan perundingan berkaitan dengan hal-hal Kerajaan Tempatan.

#### PENCEN KEPADA PESARA LUAR NEGERI

**2. Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah pesara yang bermastautin di luar negeri dan beri nama negeri-negeri yang berkenaan;
- (b) jumlah pencen yang dibayar kepada mereka tiap-tiap tahun; dan
- (c) apakah kesan-kesan yang merugikan negara akibat kekurangan pusingan tersebut dalam negeri.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah pesara yang bermastautin di luar negeri ialah 7,566 orang Negeri-negeri yang berkenaan ialah:
  1. England, Australia dan New Zealand (melalui Crown Agents)
  2. India
  3. Sri Lanka
  4. Singapore
  5. Pakistan
  6. Brunei

7. Hongkong
8. Jepun
9. Jerman Barat
10. Thailand
11. Saudi Arabia
12. Amerika Syarikat
13. Kanada
14. Indonesia
15. Nigeria
16. Netherlands
17. Burma

(b) Jumlah Pencen yang terlibat berdasarkan angka-angka bagi tahun 1976 ialah sebanyak \$13,691,987.39.

(c) Saya rasa Ahli Yang Berhormat menganggap bahawa pencen adalah dibayar dari suatu kumpulan wang pusingan untuk pencen. Bagaimanapun, ingin saya jelaskan bahawa tidak terdapat kumpulan wang pusingan seumpama itu oleh kerana pencen dan ganjaran adalah dibayar daripada suatu Kepala Tanggungan Perbelanjaan dalam Perbelanjaan mengurus.

Jumlah Pencen yang telah dibayar keluar negeri adalah kira-kira \$13.7 juta dalam tahun 1976 dan jika dibandingkan dengan anggaran jumlah perbelanjaan mengurus sebanyak \$5,600 juta bagi tahun 1976, saya yakin Ahli Yang Berhormat akan bersetuju bahawa kesannya ke atas ekonomi adalah sangat kecil.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi, angka pesara di luar negeri dan jumlah peruntukan yang patut dibayar kepadanya, adakah Kerajaan bercadang bahawa satu ketika akan mengkaji semula berhubung dengan pembayaran persaraan ini supaya diberhentikan, sebab mereka ini telah bermastautin di luar negeri, sepatutnya kalau mereka berkehendakkan persaraannya, mereka kena duduk dalam negeri ini. Pada segi mana patut kita bayar kepada mereka itu?

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Pembayaran ini adalah dari segi perkhidmatan setelah mereka melakukan khidmatnya di negara ini dahulu dan kemudian setelah

mereka bersara, mereka kembali ke tanah-airnya dan mereka mendapat bayaran persaraannya itu.

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh sebab mereka tidak lagi bermastautin di Malaysia, adakah apa-apa rancangan atau cadangan Kerajaan untuk mengadakan satu kajian iaitu kita kumpulkan dan membayar balik terus pencennya itu kepada orang perseorangan dan tidak dibayar tiap-tiap bulan ke negeri-negeri yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Kita bayar sekali gus kepada orang yang tidak duduk lagi dalam negeri ini.

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita tahu bahawa pencen ini dibayar selama dia hidup, kalau kita bayar sekali gus, dia belum mati, ini satu penyakit lain pula. Jadi, kita bayar pencennya waktu dia hidup dan apabila dia mati kelak, habislah tugas kita untuk membayar pencennya.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta penjelasan samada wang pencen itu dibayar dengan matawang kita ataupun matawang negeri-negeri yang disebutkan tadi dengan pertukaran kadar yang ada pada hari ini?

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana mereka itu berpencen di negara kita, maka kita bayar pencennya mengikut matawang kita.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Sungguhpun bayaran itu daripada duit kita tetapi saya difahamkan yang bayaran kepada pesara yang bermastautin di England itu umpamanya dibayar dengan sterling pound, kerana apa yang saya dapat faham bahawa ada ura-ura yang pesara di sana meminta supaya pencen mereka itu dibayar dengan ringgit Malaysia yang mana kalau mengikut kadar pertukaran sekarang ini, kalau kita terima permohonan mereka itu, kita akan rugi. Jadi, saya minta penjelasan samada betul atau tidak pesara di England itu dibayar dengan sterling pound.

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, tentulah tidak kita bayar dengan wang kita tetapi dengan pertukaran wang sterling pound. Dan yang kita

bayar adalah mengikut kadar yang telah kita tetapkan mengikut pencen yang diterimanya dalam negara kita ini.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan sedikit, apa yang saya maksudkan dalam soalan (c) ialah kekurangan tenaga pembeli ataupun purchasing power di dalam negeri sebanyak \$13.7 juta. Kesan-kesan inilah yang saya minta dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Yang kedua, pada satu masa dahulu saya difahamkan bahawa ada pesara-pesara yang terus menerima pencen oleh sebab perhubungan dengan negeri luar adalah sukar yang terus menerima pencen oleh waris-warisnya walaupun pesara itu telah meninggal dunia. Adakah perkara ini pernah berlaku dalam jabatan ini atau tidak?

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin agaknya ada beberapa kesilapan berlaku dibayar kepada orang pencen yang telah mati, tetapi kalau sekiranya kita tahu bahawa orang yang telah mati itu sah matinya maka pencenya itu kita berhentikan.

Adapun berkenaan dengan soalan Yang Berhormat kemukakan itu tadi tentang kerugian sebanyak \$13.7 juta, jawapannya ialah seperti yang telah saya jawab tadi.

## FAKULTI KEJURUTERAAN UNIVERSITI MALAYSIA

**3. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa peratus penuntut-penuntut Universiti Malaya yang telah lulus di dalam Fakulti Kejuruteraan pada tiap-tiap tahun selama 3 tahun yang lalu;
- (b) berapa peratus penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri yang telah lulus di dalam Fakulti Kejuruteraan; dan
- (c) adakah Menteri Pelajaran menyedari perbezaan peratus dengan penuntut-penuntut di luar negeri berbanding dengan penuntut-penuntut di dalam Fakulti Kejuruteraan.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Peratus kelulusan penuntut-penuntut tahun akhir yang lulus dari Fakulti

Kejuruteraan Universiti Malaya sejak tiga tahun yang lalu ialah seperti berikut:

Tahun akademik		% kelulusan
1974/1975	... ..	98.4%
1975/1976	... ..	98.7%
1976/1977	... ..	99.0%

Jadi nampaknya kelulusannya sangat baik.

- (b) Kementerian ini tidak ada maklumat berkenaan dengan lulusan dari Universiti-universiti di luar negeri.
- (c) Tidak. Disebabkan kekurangan maklumat seperti jawapan (b) di atas maka tidaklah dapat Kementerian ini membuat perbandingan tentang kelulusan penuntut di Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaya itu dengan peratus kelulusan penuntut Malaysia di Fakulti-fakulti Kejuruteraan di Universiti-universiti luar negeri.

#### PARTI KOMINIS MALAYA

4. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan akan mengiktiraf parti Kominis iaitu parti yang menentang Kerajaan bukan dengan keganasan dan bersenjata tetapi dengan perlembagaan secara demokrasi seperti parti-parti Kominis yang ada di beberapa buah negara Eropah dan Asia.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak iktiraf apa yang dipanggil—Parti Kominis Malaya.

#### PEMAJU PERUMAHAN BUMIPUTRA

5. Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan:

- (a) (i) semenjak enam bulan yang sudah berapa banyak lesen pemaju perumahan yang telah dikeluarkan kepada Bumiputra; dan

(ii) berapakah jumlah sekaliannya yang telah dikeluarkan sehingga hari ini;

- (b) apakah yang menghalang Bumiputra ataupun yang memberi kesukaran bagi Bumiputra mendapat lesen-lesen ini; dan
- (c) bagaimanakah cara galakan atau ikhtiar Kementerian ini bagi mengatasi perkara ini dan berapa kalikah pihak Menteri telah menggunakan kuasanya dalam Section 6 (2) Housing Developers (Control and Licensing) Act, 1966 untuk membantu Bumiputra mendapat lesen ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Datuk Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat perkataan pemaju perumahan Bumiputra adalah ditaariffkan sesuatu perniagaan yang berdasarkan kepada modal milik Bumiputra 51% atau lebih dari jumlah modal perniagaan atau syarikat itu. Dengan ini jawapan kepada soalan:

- (a) (i) Jumlah lesen baru yang dikeluarkan kepada pemaju perumahan Bumiputra dari 1hb Januari hingga 30hb Jun, 1977 adalah 7.
- (ii) Jumlah lesen yang dikeluarkan kepada pemaju perumahan Bumiputra daripada bulan Ogos, 1969 (iaitu tarikh berkuatkuasa Akta yang berkenaan) sehingga penghujung bulan Jun 1977 adalah 97.
- (b) Perkara pokok yang menyebabkan kurang pelesen-pelesen Bumiputra yang menjadi pemaju perumahan ialah kurang permohonan daripada golongan tersebut. Sebab-sebab yang menghalang Bumiputra menjadi pemaju perumahan berlesen termasuk kecenderungan mereka berniaga di dalam bidang yang lain, kurang pengalaman dalam urusan perumahan, dan kekurangan modal. Daripada permohonan-permohonan yang diterima daripada golongan bukan Bumiputra mendapatkan lesen, ada terdapat beberapa pemilik tanah Bumiputra yang mengikat janji supaya tanah-tanah mereka itu dimajukan oleh Pemaju-pemaju bukan Bumiputra.

- (c) Kementerian Perumahan dan Kema-  
juatan Perkampungan memang memberi  
galakan serta nasihat kepada Bumi-  
putra-bumiputra yang ingin menjadi  
pemaju agar bilangan Bumiputra yang  
berkecimpung di dalam bidang ini  
bertambah dari masa keesmasa.  
Bahagian Pelesenan dan Khidmat  
Nasihat yang telah ditubuhkan di  
Kementerian ini memainkan peranan  
yang penting dalam soal ini.

Pemohonan-pemohonan dari Bumi-  
putra untuk mendapatkan lesen serta  
perlonggaran di bawah seksyen-seksyen  
yang tertentu adalah diberi keutamaan.  
Pengecualian-pengecualian ini, ter-  
takluk kepada syarat-syarat tertentu  
undang-undang dipatuhi, adalah di-  
berikan kepada semua Bumiputra oleh  
Yang Berhormat Menteri mengikut  
Seksyen 6 (2) di bawah Akta (Meng-  
awal dan Melcsen) Pemaju Perumahan,  
1966.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan  
Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut  
jawapan Yang Berhormat Timbalan Men-  
teri yang berkenaan tadi bahawa hanya  
beberapa buah sahaja lesen pemaju per-  
umahan yang didapati oleh bumiputra dan  
Kementerian ini telah ada membuat satu  
khidmat nasihat. Benarkah bahawa khidmat  
nasihat yang ada dalam Kementerian ini  
tidak begitu memberi kesan kepada peniaga-  
peniaga bumiputra dan ini juga menjadikan  
angkanya tidak bertambah.

**Datuk Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang  
di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Ber-  
hormat sebabnya tidak bertambah lesen-  
lesen kepada bumiputra kerana minat dan  
permohonan bumiputra itu adalah sedikit.  
Bila pemohon sedikit, bilangan yang saya  
sudah jawab tadi itu adalah kecil. Walau  
bagaimanapun, khidmat nasihat yang ada  
baru diwujudkan dalam Kementerian saya.  
Oleh kerana dahulu adalah bilangan yang  
kecil, sekarang ini bertambah bilangan-  
bilangan pelesenan itu, jadi adalah nampak-  
nya bagi saya menjadi kesan. Memang untuk  
hendak melaksanakan perkara yang kom-  
plex ini tentulah hendak ada pengalaman  
dan ada modal dan sebagainya. Saya rasa  
soal samada berkesan atau tidak berkesan  
itu adalah tidak timbul oleh kerana perkara  
yang telah kita beri itu ada kemajuannya  
pada hari ini.

**Datuk Mansor bin Mohamad:** Tuan Yang  
di-Pertua, saya hendak membuat soalan  
tambahan kepada empat perkara.

Yang pertama, saya hendak minta kalau  
dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri  
memberitahu berapa lesen 100% kepada  
bumiputra. Saya tidak hendak 51% tadi,  
hendak yang 100%.

Yang kedua, saya hendak tahu pada pen-  
dapat Yang Berhormat Timbalan Menteri  
adakah betul atau tidak bagaimana pen-  
dapat saya, iaitu yang menyebabkan kurang-  
nya bumiputra memohon ataupun mendapat  
lesen-lesen ini ialah dengan sebab ke-  
payahan-kepayahan ataupun syarat-syarat  
yang terlampau ketat yang dikenakan oleh  
Kementerian sendiri hingga menyebabkan  
mereka itu naik jemu (frustrated). Dengan se-  
bab itu menumbulkan banyak pemaju-pemaju  
walaupun kecil yang terdiri daripada bumi-  
putra telah tidak mengambil lesen terus.  
Mereka membina rumah-rumah ini dengan  
cara lain iaitu dengan cara dijual, kemudian  
dia buat seolah-olah dia kontrektor pada  
hal perumahan itu dia punya.

Yang ketiga, adakah Yang Berhormat  
Timbalan Menteri bercadang untuk me-  
nubuhkan sebuah cawangan di Pantai Timur  
untuk menyegerakan kerja-kerja memproses  
permohonan-pemohonan ataupun memberi  
khidmat nasihat kepada pemaju-pemaju  
yang ada di Pantai Timur iaitu Kelantan,  
Trengganu dan Pahang kerana yang saya  
katakan demikian Yang Berhormat Tim-  
balan Menteri sendiri pun tahu sekarang  
proses sangat lambat kerana satu sahaja  
iaitu ibupejabat jauh di Ibu Kota, hendak  
cater seluruh Malaysia, mengambil masa  
yang sangat panjang. Satu-satu permohonan  
bila ada yang tidak betul kadang-kadang  
dua bulan kemudian baru datang query, ini  
tidak betul katanya. Lapse masa terlampau  
lama. Itu kita tahu dengan sebab maklumlah  
terlampau banyak. Jadi adakah beliau ber-  
cadang menubuhkan cawangan itu.

**Datuk Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang  
di-Pertua, memang Kementerian saya mem-  
beri lesen-lesen itu kepada sebilangan besar  
daripada jumlah yang saya sebutkan tadi  
yang diberi kepada bumiputra adalah 100%  
bumiputra—memang ada diluluskan.

Yang kedua, kepayahan ini dasar kita  
untuk hendak memberikan lesen adalah  
dalam tempoh selewat-lewatnya dalam masa

dua bulan. Adapun masalah kepada pemaju-pemaju perumahan untuk mengemukakan permohonan mereka itu yang boleh jadi lambat kadang-kadang ada kalanya kita hantar surat permohonan itu melalui peguam (lawyer) dia, kemudian kita jawab kepada lawyer suruh comply. Apa yang dikehendaki oleh pihak Kementerian dia tidak jawab. Kemudian pemaju perumahan itu sendiri datang ke Kementerian saya dan minta kenapa empat atau lima bulan lesen ini tidak dikeluarkan lagi yang mana penguaman dibuat dalam masa dua bulan. Bila disemak di sana rupanya bukan peguam (lawyer) itu, bukan saya hendak mengecilkan soal peguam dalam Dewan yang mulia ini tetapi ini masalah yang ditimbulkan berkenaan dengan soal nombor dua yang boleh menyebabkan lambat. Jadi dia channel dua tiga tempat. Oleh itu, bila dia datang, kita buka fail dan semak, disiasat semula maka didapati barulah kita tahu pemaju perumahan itu tidak menemui dengan peguam yang berkenaan untuk mempercepatkan bagi mendapat lesen yang berkenaan.

Yang Ketiga, berkenaan dengan cawangan di merata-rata tempat, saya rasa tidak payah untuk kita adakan cawangan. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telahpun ada Jabatan Perumahan Negara dan di sebelah Pantai Timur haruslah barangkali rasa saya di Kelantan telah ada dan di sana boleh pegawai-pegawai yang berkenaan akan membuka pejabat di Kelantan dan pejabatnya harus ada di sana untuk memenuhi kawasan Pantai Timur, iaitu Kelantan, Trengganu dan Pahang bagi menasihati mereka yang berkehendakkan lesen-lesen itu supaya mempercepatkan lagi. Jadi kalau masalah hendak mencepatkan ini kadang-kadang kita terpaksa mengaji, bukan lesen itu kita buat macam lesen road transport. Kita hendak kaji pemilikan tanah dan di samping itu juga ada pemohon-pemohon itu bukan mempunyai tanahnya sendiri, dia menggunakan tanah orang lain. Jadi tanah orang terpaksa mengadakan satu agreement dengan orang itu. Jadi kita kena semak Articles of Memorandum dan kita kena semak kehendak-kehendaknya, kadang-kadang surat itu pergi-balik-pergi-balik. Yang eloknya, saya nasihatkan dalam Dewan yang mulia ini Ahli-ahli Yang Berhormat dapat kerjasama, kalau boleh pihak-pihak pemaju

perumahan bumiputra eloklah saya nasihatkan datang sendiri ke pejabat, di sana kita dapat selesaikan di meja perundingan kalau sekiranya berkehendakkan lebih cepat lagi pada masa akan datang.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan iaitu 7 sahaja lesen telah dikeluarkan kepada bumiputra. Mengikut dasar Kerajaan pada hari ini walau lapangan apa sekalipun, sekurang-kurangnya di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang 30% daripada iktisad negeri ini mesti dipegang oleh bumiputra. Dengan sebab itu saya hendak bertanya jikalau lesen ini dikeluarkan dengan melulu sahaja, dengan tidak ada hadnya, maka ketinggalanlah bumiputra ini. Boleh atau tidak Kerajaan melonggarkan iaitu daripada paid-up capital \$250,000 yang mana bumiputra boleh dikira berapa sahaja yang boleh mengeluarkan modal kontan \$250,000, paid-up capital daripada \$250,000 kepada \$100,000 supaya banyak lagi bumiputra dapat menjalankan perniagaan begini bukan dengan besar-besaran tetapi dengan kecil-kecilan. Boleh atau tidak dibuat begitu?

**Datuk Haji Ramli bin Omar:** Lesen yang dikeluarkan, bukan 7, jumlahnya semua 97. 7 itu daripada bulan Januari sehingga Jun, itu 7 telah dikeluarkan; sebelum daripada itu 92.

Jadi mengenai dengan deposit \$250,000 kita hendak jaga transaction terutamanya bumiputra supaya bumiputra boleh menjadi pemaju perumahan dengan pembeli dapat dikawal. Sungguhpun begitu boleh juga sebagaimana yang dikehendaki tadi kelengkapan yang diberi kepada bumiputra mendapat lesen adalah luas, umpamanya, jaminan yang terhad sahaja daripada bank atau UDA jika modalnya kurang daripada paras yang perlu asalkan mereka mematuhi kehendak akta yang berkenaan. Kehendak undang-undang itu tidak dapat dikendurkan kerana Yang Berhormat Menteri tidak diberi kuasa mengendurkan, dengan alasan kalaulah kita kendurkan mengikut akta yang diluluskan oleh Parlimen dan Dewan Negara, ertinya Menteri sendiri telah melibatkan dirinya. Kalau ditakdirkan company itu bangkerap, maka tertaklukkan kepada Menteri itu pun turut bangkerap sama. Jadi

saya sebut tadi bahawa kalau hendak menjaga bumiputra eloklah dikenakan \$250,000 itu kalau boleh dia hantarkan kerana ada bidangkuasa yang kita tak boleh buat kerana kena melantik juruodit dan juruodit itu luar daripada bidangkuasa Menteri.

Keduanya, kena hantar laporan odit setengah tahun. Jadi kalau rancangan itu dihantar kepada Kementerian saya rasa tidak jadi masalah kalau pemaju perumahan itu betul-betul genuine. Walau macam manapun, kalau dikaji dan diselidik lebih mendalam lagi bahawa tanah-tanah bumiputra telah diberi kepada pemaju perumahan dengan begitu banyak, oleh sebab dia fikir yang pertamanya dia dapat komisyen 20%-30% atas rancangan perumahan itu dan dia tidak mahu hendak memajukan sendiri. Jadi ini masalah sedang dikaji oleh Bahagian Khidmat Nasihat di Kementerian saya bagi membanyakkan bumiputra atau untuk selaraskan dengan Dasar Ekonomi Baru kita. Bagi menyampaikan cita-cita itu saya yakin kalau sekiranya kita semua, Ahli-ahli Yang Berhormat bekerjasama dengan Kementerian saya dapat kita laksanakan mengikut Dasar Ekonomi Baru itu.

#### PENCEMARAN ALAM OLEH KILANG SAWIT

**6. Datuk Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan jumlah sungai-sungai di Malaysia di mana ikan-ikan air tawar tidak boleh hidup lagi sebab airnya telah dicemar oleh kilang-kilang kelapa sawit. Samada beliau sedar bahawa (i) sungai di Ladang Gomali, Batu Anam, Segamat bukan sahaja menyebabkan ikan-ikan di dalamnya mati tetapi juga mengeluarkan bau yang busuk dan (ii) air di Sungai Muar telah dicemar dan mengakibatkan lebih daripada 2,000 orang tidak boleh minum airnya atau mandi, apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan iaitu berdasarkan taksiran data Kualiti Air yang pada masa sekarang dikemaskinikan oleh Bahagian Alam Sekitar Kementerian saya, jumlah

sungai-sungai yang telah mengalami pencemaran dengan teruknya sehingga ikan air tawar tidak boleh hidup ialah 42 sungai, kebanyakannya sungai-sungai yang mengalami pencemaran itu sebahagian besarnya terjadi di bahagian kuala sungai.

Punca utama pencemaran di sungai-sungai tersebut ialah effluen daripada kilang-kilang kelapa sawit, kilang-kilang getah dan industri agro-based membantu juga dalam pencemaran sungai-sungai tersebut.

Mengenai sungai-sungai di Ladang Gomali dan Sungai Muar, bahagian Alam Sekitar Kementerian saya telahpun membuat penyiasatan mengenai masalah ini dan telah mendapati bahawa sungai-sungai ini telah lama mengalami pencemaran disebabkan oleh pembuangan effluen daripada beberapa kilang kelapa sawit dan kilang-kilang getah termasuk juga dari Ladang Gomali sendiri.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat semua maklum, masalah ini telah merupakan masalah negara keseluruhannya. Oleh itu, cara-cara dan tindakan berkesan untuk mengatasi masalah ini hendaklah dirangka dengan cara yang sistematik dan teknologi yang sesuai supaya kepentingan ekonomi dari industri-industri ini tidak terjejas.

Dengan penguatkuasaan peraturan-peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, semua kilang-kilang kelapa sawit dan getah dikehendaki menyesuaikan effluen yang dikeluarkan supaya selaras dengan standard-standard yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan ini sebelum mengeluarkannya ke dalam sungai-sungai ataupun saluran-saluran air yang lain.

Saya yakin dengan langkah-langkah yang diambil akan membaiki lagi pembuangan-pembuangan effluen daripada kilang-kilang kelapa sawit dan getah dan ini akan mengatasi masalah utama pencemaran di bidang agro-based ekonomi negara kita.

Mengenai bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, saya ingin memberitahu memang benar air di sungai Muar telah dicemarkan dan tidak sesuai untuk diminum. Walau bagaimanapun, dengan penguatkuasaan peraturan-peraturan yang telah saya sebutkan di atas tadi, saya yakin sungai tersebut akan pulih secara beransur-ansur dan akan boleh digunakan untuk tujuan mandi, meskipun begitu pada permulaannya

saya nasihatkan supaya air tersebut janganlah digunakan untuk diminum sehingga satu masa yang didapati sesuai.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Saya hendak bertanya daripada 42 sungai yang dicemarkan tadi, selama ini adakah Kementerian ini menerima bantahan daripada Kerajaan Negeri ataupun dari Kementerian Pertanian?

**Tuan Law Hieng Dieng:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan saya di dalam masaalah ini Kementerian saya tidak ada menerima apa-apa bantahan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum kilang diluluskan, baik kilang getah, kelapa sawit ataupun apa-apa kilang agrobased itu didirikan di satu-satu negeri atau satu-satu tempat, maka nasihat-nasihat daripada pegawai yang bertanggungjawab mestilah dikehendaki dahulu. Misalnya, kilang kelapa sawit peraturan tertentu mesti dijaga, syarat-syaratnya jangan keluar minyak banyak, jangan asap keluar banyak, peraturan itu semua mesti ada. Kenapa dengan ada nasihat-nasihat ini, masih juga ada sungai yang tidak boleh diminum banyak udang dan ikan mati macam di Sungai Muar tiram pun habis mati. Tentu sekali pegawai yang bertanggungjawab itu tidak mengawal perjalanan kilang-kilang berkenaan. Betul atau tidak begitu?

**Tuan Law Hieng Dieng:** Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat maklum iaitu Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya adalah satu bahagian yang baru, di masa dahulu oleh sebab kekurangan tenaga jadi tak dapatlah menjalankan tugasnya dengan sempurna dan sepenuhnya. Pada masa hadapan, jika Kementerian saya ada menerima apa-apa aduan dari mana-mana pihak, Kementerian akan menghantar pegawai-pegawai ke tempat itu untuk menyiasat dan memberi apa-apa nasihat yang perlu dan dengan syarat-syarat yang wajar. Tetapi seperti saya katakan tadi dalam jawapan saya, dengan diwartakan peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 keadaan ini akan bertambah baik.

## KEWARGANEGARAAN BUKAN BUMIPUTRA

**7. Datuk V. Ponnusamy Pillai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar ada terdapat bilangan bukan Bumiputra yang telah menetap di negara ini semenjak belum Merdeka lagi dan mereka ini tidak dapat mengemukakan surat-surat beranak dan ada di antara mereka yang mempunyai ibu atau bapa atau kedua-duanya sekali terdiri daripada rakyat Malaysia, dan jika ya:

- (a) samada mereka ini boleh dianggap sebagai rakyat negara ini;
- (b) apakah yang mereka mesti lakukan untuk memohon sijil kerakyatan; dan
- (c) adakah orang-orang dalam kategori seperti ini yang pernah memohon kewarganegaraan.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memang sedar mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu dan jawapan kepada:

- (a) Mereka ini tidak boleh dianggap sebagai warganegara Malaysia secara automatik. Tiap-tiap kes mereka perlu dikaji dan ditimbang dengan teliti samada mereka itu boleh menjadi warganegara Malaysia dengan perjalanan undang-undang atau dikehendaki memohon di bawah peruntukan-peruntukan tertentu Perlembagaan untuk ditimbang dan diluluskan.
- (b) Sekiranya terdapat di antara mereka ini mempunyai kelayakan untuk memohon kewarganegaraan Malaysia maka permohonan bolehlah dibuat di Pejabat-pejabat Pendaftaran yang berdekatan di bawah peruntukan-peruntukan tertentu Perlembagaan kita yang sesuai bagi mereka itu.
- (c) Ada.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan atau tidak iaitu warganegara secara automatik ini siapa orangnya yang boleh dapat?

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau bapanya warganegara, lahir selepas merdeka, dia warganegara.

**Datuk V. Ponnusamy Pillai:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri sedar bahawa terdapat lebih kurang 9,000 orang di negara ini yang dilahirkan dalam masa pemerintahan Jepun yang tidak mempunyai Sijil Beranak oleh kerana pada ketika itu mereka tidak dapat mendaftar tentang kelahiran mereka. Dapatkah Timbalan Menteri menimbangkan permohonan-permohonan mereka untuk mendapatkan kewarganegaraan kerana mereka apabila tinggal menetap di negara ini dan telah taat setia kepada negara ini dan terdapat beribu-ribu yang tidak ada surat beranak apakah akan terjadi kepada masa depan mereka sekiranya mereka hanya memiliki kad-kad pengenalan berwarna merah sahaja.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soal memberi hak atau sijil warganegara kepada manusia ini bukanlah dapat kita buat begitu sahaja. Sungguhpun dia duduk di negara ini berpuluh-puluh tahun tetapi dia tidak dapat membuktikan kepada kita bahawa mereka itu layak menerima sijil warganegara, kita tidak boleh beri. Dan satu perkara yang perlu diingatkan selepas kita merdeka kita ada tawarkan kepada semua orang untuk meminta kewarganegaraan dan sepatutnya kumpulan ini telah mengambil kesempatan itu.

## BAHASA KEBANGSAAN

**8. Puan Hsjjah Tom Saodah binti Haji Othman** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan berpuas hati mengenai kegunaan Bahasa Kebangsaan di negara kita terutamanya di pejabat-pejabat Kerajaan dan firma-firma, jika ya, nyatakan sebab mengapa pejabat-pejabat Kerajaan dan firma-firma perdagangan masih lagi menggunakan Bahasa Inggeris seperti:

- (a) pejabat-pejabat Pelajaran;
- (b) pejabat-pejabat MARA; dan
- (c) firma-firma insuran dan lain-lain.

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah berpuas hati dengan kemajuan dalam penggunaan Bahasa Kebangsaan bagi tujuan-tujuan rasmi, khususnya dalam bidang pentadbiran Kerajaan serta dalam bidang pelajaran.

Di bidang swasta juga ternampak pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia yang

berjalan secara beransur-ansur. Pihak swasta adalah sentiasa digalakkan untuk memperluaskan penggunaan Bahasa Malaysia.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Pejabat-pejabat Kerajaan dan firma-firma perdagangan seperti Pejabat-pejabat Pelajaran, Pejabat-pejabat MARA, firma-firma insuran dan lain-lain lagi yang masih menggunakan Bahasa Inggeris, sukalah saya menegaskan di sini bahawa penggunaan Bahasa Inggeris oleh Pejabat-pejabat Kerajaan dan firma-firma insuran tersebut hanya dibuat dalam keadaan-keadaan tertentu yang benar-benar memerlukannya seperti dalam penyediaan surat-surat perjanjian yang disediakan oleh firma-firma perunding di mana terdapat banyak penggunaan perkataan-perkataan teknikal. Begitu juga Pejabat-pejabat Pelajaran, hanya dalam surat menyurat dengan negara-negara asing dan badan-badan antarabangsa seperti UNESCO dan SEAMEO sahaja, Bahasa Inggeris masih digunakan. Di samping itu firma-firma insuran hanya menggunakan Bahasa Inggeris dalam urusan-urusan mereka seperti menulis perjanjian, kontrak, prospektus polisi dan dokumen-dokumen yang berbentuk guaman.

**Datuk Abdul Aziz bin Tapa:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan, menurut Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa puashati di atas perjalanan Bahasa Kebangsaan ini. Tetapi saya hendak bertanya puashati cara perlahan-lahan-lahan atau puashati dengan cara bagaimana yang dikehendaki di atas perkembangan Bahasa Kebangsaan itu bagi pandangan semua orang. Puashati ini macam-macam, yang ada cepat-cepat pun puas perlahan-lahan pun puas. Ini puashati secara perlahan-lahan atau puashati sebagaimana yang dikehendaki oleh pertanyaan itu tadi.

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, penggunaan Bahasa Malaysia adalah menjadi asas kepada perpaduan negara kita dan peralihan daripada bahasa yang selalu digunakan, bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia secara serta merta agaknya agak sulit hendak dilaksanakan. Apa yang kita rasa puashati bahawa ada minat dan ada pelaksanaan yang dijalankan bukan sahaja daripada Jabatan-jabatan Kerajaan tetapi jabatan-jabatan swasta dan yang lain sudah memulakan

dengan lebih daripada 50% menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar yang diamalkan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat selalu mengikuti siaran talivisyen kita akan nampak bahawa pembaca-pembaca di siaran talivisyen, warta berita terdiri daripada orang-orang yang bukan orang Melayu. Ini sebagai satu contoh betapa kita telah pergi jauh ke hadapan, walaupun ini entah cepat entah lambat namanya, tetapi terserahkan bahawa kita akan mencapai matlamat kita dalam jangka waktu yang agak tertentu dan sesudah itu baharulah kita merasa kepuasan.

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Apabila saya mendengar Yang Berhormat Timbalan Menteri itu menjawab, macam mana yang jawabnya itu memanglah puas hati. Tetapi yang tidak puashati bukan begitu oleh kerana Pejabat-pejabat Kerajaan tidak buat begitu, bukan dari firma buat kontrek, agreement dengan memakai bahasa Inggeris oleh kerana bahasa Inggeris mengandungi perkataan-perkataan teknikal maka sebab itu digunakan, itu tidak menjadi hal kepada saya. Tetapi yang tidak puashati ini firma-firma menulis ke Pejabat Kerajaan dalam bahasa Inggeris juga. Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu di atas perkara ini. Ini adalah diberi jawapan oleh pegawai-pegawai supaya dijawab kepada kami semua ini supaya kami puas hati. Kami tahu atas perkara ini, ini memang kami tidak puashati apa yang dijawab itu memang bagus. Tetapi soalan saya ini boleh atau tidak jikalau firma-firma atau siapa sahaja menulis kepada Pejabat Kerajaan, oleh kerana sudah 10 tahun selepas kita mencapai kemerdekaan Bahasa Malaysia, Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dengan tiada soal jawab lagi dan sampai sekarang maka terpaksa firma yang menulis surat kepada Kerajaan mestilah dengan Bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan. Jikalau tidak maka jangan dijawab surat itu. Bolehkah atau tidak dibuat begitu?

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Boleh.

**Datuk Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini satu jawapan yang sangat manis pada pendengaran rakyat bahawa Pejabat-pejabat Kerajaan adalah puashati, Pejabat-pejabat itu menggunakan Bahasa Kebangsaan. Saya

ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan puashati yang dikehendaki ini menunjukkan bahasa pelaksanaan Bahasa Kebangsaan itu belum sempurna lagi 100% bagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan walaupun kita telah merdeka 20 tahun kerana setengah-setengah daripada kakitangan kerajaan mempunyai satu semangat dengan menggunakan bahawa Inggeris itu dia mempunyai kualiti, tetapi pejabatnya masih tinggi. Maka dengan sebab itu kalau menggunakan Bahasa Kebangsaan akan rendah. Kedua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar di Dewan Negara ini juga lapuran Dewan Rakyat bila hendak dihantar kepada Radio menggunakan bahasa Inggeris pada hal ucapan itu dalam Bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa Jabatan-jabatan Kerajaan masih mengagungkan bahasa Inggeris. Apakah tindakan Kementerian dalam masa-alah ini?

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, ini hanya cara melaksanakannya. Mungkin agaknya di dalam kata saya tadi dalam zaman-zaman peralihan walaupun kita telah mencapai Kemerdekaan lama, tetapi kalau sudah terlalu keras dengan kebiasaan yang biasa kita lakukan untuk mengubahnya adalah satu hal yang memerlukan masa yang agak panjang. Setakat hari ini Kerajaan berpuashati bahawa ada tanda-tanda dan bukti-bukti yang menunjukkan ke arah pencapaian yang lebih sempurna pada masa-masa yang ke hadapan. Ada pun cara-cara yang diambil berita dalam Bahasa Inggeris dan kemudian disiarkan dalam Bahasa Melayu, ini hanya cara teknikal sahaja, cara-cara seseorang itu mengambil. Kalau misalnya saya, saya lebih fasih mengambil apa yang Ahli Yang Berhormat ucap dalam Bahasa Arab misalnya, saya catit dalam Bahasa Arab, tetapi saya keluarkan dalam Bahasa Melayu juga. Begitu juga seseorang yang menggunakan Bahasa Inggeris misalnya dia lebih cepat mengambalnya dalam Bahasa Inggeris, dia akan mencatatnya di dalam Bahasa Inggeris, tetapi hasilnya dalam Bahasa Kebangsaan. Jadi itu hanya teknik, cara sahaja. Cara-cara begitu janganlah kita pusingkan sangat asal kepuasan kita terima.

**Dr Lim Keng Yalk:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sila duduk!

### FREEMASON

**9. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sebab-sebab kenapa Pertubuhan Freemason tidak meletakkan papantanda di luar rumah-rumah pertemuan (lodges) mereka sedangkan Freemason telah didaftar di bawah Akta Pertubuhan tahun 1966;
- (b) adakah benar ramai ahli-ahli Freemason Melayu mahu berhenti tetapi tidak dibenarkan berhenti; jika ya, sila berikan sebab-sebabnya; dan
- (c) samada benar orang Islam yang masuk Freemason terpaksa bersumpah dengan Al-Quran di dalam rumah hantu; jika benar bukannya ini satu tindakan kurang sihat dari mereka.

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dikatakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini pada 21hb April, dan juga dalam Dewan Rakyat pada 13hb Julai yang baru lalu bahawa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri sedang menjalankan penyiasatan yang rapi tentang pertubuhan ini dan di samping menunggu fatwa dan panduan dari Majlis Hal Ehwal Ugama Islam sebelum keputusan dibuat, oleh itu adalah diharapkan kepada Ahli Yang Berhormat itu bersabarlah untuk sementara waktu.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bila saya mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tahu sampai bilakah lagi penyelidikan itu yang kita mesti bersabar dan bilakah Kerajaan bercadang akan mengambil tindakan menghapuskan pertubuhan ini di Malaysia?

**Datuk Shariff Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kesabaran ini kena tunggu hingga Majlis Hal Ehwal Ugama Islam memberikan fatwa kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

### HOSPITAL BESAR PULAU PINANG

**10. Datuk Syed Hassan Aidid** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah peruntukan bagi membesarkan Hospital Besar

di Pulau Pinang; Jika ada pada tahun bilakah peruntukan ini diluluskan dan apakah sebab-sebabnya rancangan membesarkan hospital ini tidak dilaksanakan memandangkan kepada yang sangat sesak dengan bertambahnya pesakit-pesakit yang dirawat.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Datuk Haji Abu Bakar bin Umar):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa memang terdapat cadangan membesarkan lagi Hospital Besar Pulau Pinang. Peruntukan bagi projek ini telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga pada bulan Julai 1976 bersama-sama dengan peruntukan-peruntukan yang lain bagi Kementerian Kesihatan. Disebabkan oleh kesesakan di Hospital Besar Pulau Pinang maka Kementerian ini telah meluluskan pembesaran Hospital Besar Pulau Pinang. Oleh kerana bidang projek pembesaran ini sangat luas dan rekabentuknya sangat rumit maka ianya belum lagi dapat dilaksanakan. Saya ingin memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa perancangan mengenai projek pembesaran ini adalah di dalam peringkat terakhir.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Bolehkah saya tahu pada tahun bilakah peruntukan ini diluluskan dan berapakah peruntukan yang diluluskan dan bilakah akan dijalankan pembinaan ini?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyebutkan peruntukan telah diluluskan pada tahun 1976 dan peruntukan kalau tidak silap saya lebih daripada \$10 juta dan pembinaan ini bergantunglah kepada pelan induknya, rekabentuknya, apabila rekabentuknya siap maka bolehlah dijalankan pembinaan.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Soalan tambahan. Betul atau tidak saya diberitahu iaitu kelulusan ini dibuat pada Rancangan Malaysia Yang Kedua, betul atau tidak?

**Datuk Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ketahui dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

### AIR KEKURANGAN DI KOTA BHARU

**11. Datuk Dr Wee Khoo Hock** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau

sedar bahawa akibat dari kekurangan air, dan kadang-kalanya tiada air langsung, di hydrant bomba, kejadian-kejadian kebakaran seperti berikut telah berlaku iaitu:

- (a) di Jalan Pengkalan Chepa, Kota Bharu di mana pada 26-1-76, 120 buah rumah telah musnah dan lebih daripada 600 orang telah kehilangan tempat tinggal;
- (b) di Jalan Sultanah Zainab di mana pada 25-3-77, 3 buah rumah-kedai telah terbakar hangus dan 5 orang telah meninggal dunia; dan
- (c) di Jalan Hospital, Kota Bharu di mana ada 2-6-77, 6 buah rumah-kedai telah musnah.

Jika ya, samada satu rancangan untuk membekalkan air ke bandar Kota Bharu telah disediakan, dan jika ya, bilakah rancangan tersebut akan dilaksanakan dan bila kah ianya akan siap.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang masalah air di bandar Kota Bharu. Pada masa ini kerja-kerja untuk memasang paip-paip yang berukuran 15", 18" dan 21", pam-pam tambahan dan membina tangki-tangki air sedang dilaksanakan. Kerja-kerja ini dijangka akan siap pada awal tahun hadapan.

Satu sistem bekalan air yang baru untuk mengeluarkan sebanyak 10 juta gelen sehari yang akan menampung bekalan air di bandar Kota Bharu sehingga tahun 1990 telahpun diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Projek ini yang menelan perbelanjaan sebanyak \$18 juta akan di biayai oleh Bank Pembangunan Asia. Reka-bentuk telahpun dibuat oleh Jabatan Kerjaraya dan kerja-kerja tersebut dijangka akan ditawarkan pada awal tahun hadapan dan dijangka siap pada awal tahun 1980.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menambah sedikit kerana air merupakan satu tanggungjawab Kerajaan Negeri dan saya mintalah kepada Ahli Yang Berhormat kalau dapat butir-butir yang lebih lanjut rujukkan kepada Kerajaan Negeri.

## PEKERJAAN KEPADA TENAGA BURUH

**12. Datuk V. Ponnusamy Pillai** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk perpindahan tenaga buruh di dalam sektor pertanian kepada sektor pembuatan seperti dinyatakan dalam rancangan Malaysia Ketiga.

**Timbalan Menteri Buruh (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, dari segi gunatena Kerajaan akan menitikberatkan usaha-usaha memusatkan kegiatan ekonomi pada keseluruhannya bagi mengadakan peluang-peluang pekerjaan yang productive. Sektor-sektor pembuatan dan sektor pertanian akan sama-sama diperkembangkan untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga dan untuk membawa cara dan taraf kehidupan rakyat di kedua-dua sektor yang lebih memuaskan. Walau bagaimanapun, adalah dijangkakan bahawa sektor pembuatan akan dikembangkan dengan lebih pesat dari segi pengeluaran dan pekerjaan. Sektor pembuatan adalah dijangka menyumbangkan sekurang-kurangnya 23% daripada seluruh jumlah peluang pekerjaan yang dapat diadakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga itu. Sektor pertanian pula dijangka akan menyumbangkan kira-kira 13% daripada jumlah pekerjaan baru yang akan diadakan. Oleh kerana strategi pembangunan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ialah satu strategi untuk memusatkan kegiatan-kegiatan ekonomi pada keseluruhannya maka Kerajaan tidaklah bercadang untuk memindahkan keseluruhan tenaga buruh di dalam sektor pertanian kepada sektor pembuatan. Perkembangan di dalam sektor pertanian itu sendiri akan memerlukan tenaga pekerja untuk membolehkan sektor itu berkembang sebagai yang dijangkakan. Walaupun begitu, Kerajaan sedar bahawa perkembangan sektor pembuatan yang lebih pesat itu akan memerlukan tenaga kerja yang mahir dan oleh hal yang demikian akan menumpukan berbagai-bagai rancangan untuk menambahkan lagi tenaga pekerja mahir.

## IKLAN JIMATKAN LETRIK

**13. Datuk Haji Abu Bakar Titingan bin Damsani** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar bahawa iklan Kerajaan "Jimatkan Letrik" adalah tidak perlu dan merugikan pihak Kerajaan. Sepatutnya Kerajaan menggalakkan pengguna-pengguna menggunakan lebih banyak letrik supaya Kerajaan akan dapat lebih banyak hasil (revenue). Untuk mengatasi kelemahan bekalan letrik yang sering berlaku, Kerajaan haruslah membina lebih banyak substation-substation supaya seimbang antara demand dan supply. Jika sedar apakah tindakan yang akan diambil dan bila dan jika tidak mengapa.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Per'ua, barangkali Ahli Yang Berhormat itu ada sedikit salah faham berkenaan dengan tujuan kempen menjimatkan tenaga letrik.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, harga minyak telah meningkat dengan hebatnya dalam beberapa tahun ini. Misalnya, pada tahun 1973 harga minyak naik 4 kali ganda. Ini mengakibatkan kenaikan besar kos menjanakan kuasa di stesyen-stesyen janaletrik Lembaga Letrik Negara.

Oleh yang demikian, Lembaga Letrik Negara melancarkan kempen penjimatan tenaga letrik. Tujuan kempen ini ialah menasihatkan orang ramai supaya mereka tidak membazirkan tenaga letrik kerana pada saat ini dan di masa yang akan datang, letrik akan merupakan satu bahan tenaga yang mahal sekali.

Oleh kerana perkataan "Jimatkan Letrik" mungkin mengelirukan orang ramai Lembaga Letrik Negara sekarang mengkaji menggantikan cogan kata ini dengan perkataan-perkataan yang lebih tepat dan sesuai.

## ANGKATAN TENTERA— KENAIKAN PANGKAT

**14. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa kenaikan pangkat di peringkat askar adalah sedikit dan terlalu lama. Jika sedar, apakah tindakan yang beliau akan

ambil untuk memberi perangsang dan galakan kepada perajurit-perajurit untuk terus berkorban kepada tanahair.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Tuan Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, peluang kenaikan pangkat untuk anggota lain-lain pangkat dalam Angkatan Tentera tidaklah begitu terhad. Peluang maju dalam perkhidmatan adalah sentiasa terbuka kepada anggota-anggota yang berkebolehan dan gigih di dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di dalam tiap-tiap 100 orang anggota-anggota lain-lain pangkat, lebih kurang 40 orang dari mereka adalah anggota-anggota yang berpangkat iaitu yang menyandang pangkat Lance Koprak ke pangkat Pegawai Waran Kelas I. Oleh sebab itu, bahagian kedua soalan Yang Berhormat itu tidak timbul. Walau bagaimanapun, perangsang dan galakan adalah juga diberi kepada anggota tentera kita dalam bentuk yang lain.

## RANCANGAN-RANCANGAN TALIVISYEN

**15. Tuan T. S. Gabriel** minta Menteri Pengerangan menyatakan:

- (a) mengapakah rancangan-rancangan Talivisyen Malaysia seperti Hiburan Malam Minggu, Lukisan Irama, Bingkisan, Dendang Remaja dan siri lawak jenaka telah tidak disiarkan lagi dan sebaliknya rancangan-rancangan ini digantikan dengan rancangan-rancangan berbahasa Inggeris; dan samada Kerajaan sedar bahawa kebanyakan rakyat di Malaysia tidak berapa gemar rancangan-rancangan yang diganti itu oleh kerana mereka dapati nilai persembahannya tidak baik; dan
- (b) samada Radio dan Talivisyen Malaysia akan menimbang menyiarkan semula rancangan-rancangan seperti Hiburan Malam Minggu, Lukisan Irama, Bingkisan, Dendang Remaja dan siri-siri lawak jenaka setelah membuat suatu kajian mengenainya, dan jika perlu, diadakan juga rancangan-rancangan baru yang menarik oleh kerana 60% daripada rakyat Malaysia adalah dari kawasan-kawasan luar bandar yang tidak begitu

memahami rancangan-rancangan berbahasa Inggeris yang disiarkan itu. Samada beliau sedar bahawa kebanyakan daripada rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh RTM adalah membosankan dan menjemukan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) rancangan-rancangan yang berkenaan itu telahpun tamat sekarang. Siri-siri rancangan di TV Malaysia itu disiarkan menurut jadualnya, iaitu tidaklah disiarkan berlarut-larutan atau berterus-terusan sahaja, tetapi adalah digantikan dengan rancangan-rancangan baru yang lain. Umpamanya, rancangan Hiburan Malam Minggu telah tamat dan digantikan oleh Lukisan Irama. Kini siri Lukisan Irama telah tamat bakal digantikan oleh satu rancangan baru. Rancangan Dendang Remaja telah digantikan oleh Maskita manakala Rancangan Bingkisan Baru tamat pada 2hb Ogos, 1977 yang lalu. Rancangan inipun akan digantikan oleh rancangan lain. Semasa rancangan pengantian siap maka buat sementara terpaksa sah disiarkan rancangan berbahasa Inggeris atau lain-lain rancangan yang sesuai.
- (b) RTM adalah menyedari perkara ini dan sentiasa berusaha memperbaiki mutu rancangan-rancangannya di samping menarik minat orang ramai. Apabila sesuatu siri telah tamat lazimnya digantikan dengan siri baru mengikut daya pembaharuan yang sesuai untuk diterbitkan. Mengenai rancangan Lawak Jenaka RTM sedang menyediakan rancangan baru bagi diterbitkan semula tidak lama lagi.

**Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Rancangan Panorama pada masa ini nampaknya sudah tidak bermaya lagi. Adakah Kementerian Penerangan bercadang hendak menghidupkan semula semangat Panorama sepertimana dahulu?

**Dato' Sri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah menjadi tujuan Kementerian ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab-mulut telah cukup.

*(Masa untuk Peranyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Peranyaan No. 16 sehingga 20 adalah diberi di bawah ini).*

## PENGUNDI BARU

**16. Tuan Chua Ching Cheng** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah bilangan pengundi-pengundi baru yang telah mendaftarkan diri mereka pada tahun ini di seluruh negara;
- (b) samada beliau sedar bahawa sistem pendaftaran pengundi-pengundi yang dijalankan sekarang telah menimbulkan berbagai masalah dan kurang memuaskan; dan
- (c) samada beliau akan mengkaji kemungkinan mengadakan sistem pendaftaran pengundi-pengundi di sepanjang tahun pada masa akan datang untuk memastikan mereka-mereka yang layak berpeluang mendaftarkan diri sebagai pengundi.

**Perdana Menteri:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31-7-77 sejumlah 814,678 borang untuk menjadi pemilih atau untuk menukar kawasan pendaftaran telah diterima oleh Suruhanjaya Pilihanraya dalam urusan pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar-daftar pemilih yang telah diadakan baru-baru ini. Angka ini dijangka akan meningkat lagi oleh kerana masih ada borang-borang permohonan yang belum lagi diserahkan oleh pegawai-pegawai Pendaftaran kepada pihak Suruhanjaya Pilihanraya.

Mengenai soalan (b) Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menerangkan di sini bahawa sistem pendaftaran pemilih yang ada sekarang adalah memuaskan kerana ia merupakan sistem yang "voluntary" dan selaras dengan dasar demokrasi yang diamalkan oleh Kerajaan kita.

Bagi menjawab soalan (c) Ahli Yang Berhormat pula, buat masa ini Suruhanjaya Pilihanraya tidak ada rancangan untuk menukarkan sistem yang ada sekarang, di mana ianya membuat urusan pendaftaran

pemilih-pemilih untuk jangka masa yang ditetapkan pada satu-satu masa dan tidak di sepanjang tahun seperti cadangan Ahli Yang Berhormat itu.

### SIVIK DI SEKOLAH-SEKOLAH

**17. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa semangat sivik di kalangan orang-orang dewasa dan anak-anak sekolah sangat berkurangan. Jika ya, apakah tindakan beliau akan ambil untuk menyemai dan memperbaiki semangat ini dan jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Adalah tidak benar bahawa semangat sivik di kalangan orang-orang dewasa dan anak-anak sekolah sangat berkurangan. Mungkin dalam keadaan-keadaan tertentu orang-orang dewasa dan anak-anak sekolah tidak menunjukkan semangat sivik seperti dalam kejadian rompak dan sebagainya. Kerajaan sedar pentingnya semangat sivik di kalangan orang-orang dewasa dan untuk mengujudkan semangat sivik di kalangan mereka, Lembaga Perpaduan Negara sedang menjalankan sebanyak 2,897 Kelas Perpaduan Rakyat di seluruh negara untuk orang-orang berumur lebih daripada 15 tahun dalam mana 69,688 orang pelajar diberi pelajaran Sivik. Selain daripada itu, Lembaga Perpaduan Negara juga telah menubuhkan sebanyak 23 buah Majlis Perhubungan Masyarakat, 110 Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat Kawasan dan 622 Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat Yunit yang kesemuanya melibatkan seramai 11,325 orang dewasa yang diberi bantuan wang untuk mengaturkan kegiatan-kegiatan dan aktiviti-aktiviti tempatan seperti projek gotong-royong, khemahkerja, sukan perpaduan, lawatan sambil belajar, peraduan karangan Rukunegara, khidmat sukarela dan lain-lain kesemuanya untuk tujuan mengujud dan mengekalkan semangat sivik di semua lapisan rakyat Malaysia.

Selain daripada itu, pihak Radio dan Talivisyen Malaysia sentiasa menerbitkan rancangan-rancangan untuk kanak-kanak dan orang-orang dewasa dengan tujuan untuk memupuk dan menggalakkan semangat sivik di kalangan mereka. Bahan-bahan yang memberi saranan ini dimuatkan dari masa ke

semasa dalam rancangan-rancangan drama, hiburan, rancangan kanak-kanak serta rancangan-rancangan selingan dan dalam hiburan-hiburan menerusi Radio dan TV.

Jabatan Penerangan juga dari semasa ke semasa ada menganjurkan kursus-kursus sivik untuk orang-orang dewasa dan kanak-kanak dengan tujuan menyemai semangat kewarganegaraan dan kemasyarakatan di kalangan mereka.

Di peringkat persekolahan pula, mata-pelajaran Sivik atau Pendidikan Tatarakyat telahpun diwajibkan di sekolah rendah (mulai darjah 4) hingga ke sekolah menengah. Mata-pelajaran ini meliputi aspek-aspek seperti perpaduan; Rukunegara; Cintakan Raja dan Negara; kebersihan; Disiplin; Pertolongan; Tanggungjawab di Rumah dan kepada Masyarakat dan Negara; dan lain-lain lagi.

Unsur-unsur seperti tersebut di atas ini bukan sahaja dititikberatkan di dalam bilik darjah bahkan juga dalam pergerakan luar seperti sukan, pasukan sukarela dan sebagainya.

Selain daripada itu usaha yang konkrit telahpun diambil oleh Kementerian Pelajaran dengan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pendidikan Akhlak awal tahun ini (1977) yang ditugaskan untuk menggubal sukatan pelajaran pendidikan akhlak.

### SIJIL PERBIDANAN DARI ENGLAND

**18. Puan Hajjah Fatimah binti Abdul Salim** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa Kementerian beliau masih belum memberi jawapan terhadap sijil-sijil perbidanan yang diperolehi dari England iaitu sijil dari Midwives Board of England. Jika ya, apakah tindakan yang beliau akan diambil memandangkan kekurangan bidan dalam negeri ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Lembaga Bidan Malaysia sedang mendaftar pemohon-pemohon yang mempunyai sijil-sijil daripada Lembaga Bidan England.

### GAJI BAGI PEKERJA-PEKERJA SWASTA

**19. Datuk Haji Abu Bakar Titingan** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa pekerja-pekerja swasta atau

badan-badan yang tidak ada Kesatuan (union) selalu merasa tersingkir dan kecewa oleh kerana mereka tidak dapat menyuarakan permintaan mereka mengenai kenaikan gaji seimbang dengan pekerja-pekerja lain yang ada Kesatuan. Keadaan begini mungkin dieksploitasikan oleh pihak majikan-majikan. Jika sedar apakah tindakan yang beliau akan ambil dan bila dan jika tidak mengapa.

**Tuan K. Pathmanaban:** Saya sedar bahawa pekerja-pekerja yang tidak diwakili oleh Kesatuan Sekerja selalu merasakan bahawa mereka tidak mendapat pembelaan kerana mereka tidak berupaya untuk berunding dengan pihak majikan mengenai gaji dan syarat-syarat perkhidmatan.

Dari segi Undang-undang semua pekerja berhak untuk menubuhkan atau memasuki Kesatuan Sekerja dan pihak majikan tidak mempunyai kuasa untuk melarang mereka. Kementerian saya melalui Pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja bersedia memberi bantuan dan kerjasama dalam perkara ini jika perlu.

Walau bagaimanapun sebagai langkah untuk memberi perlindungan kepada pekerja yang tidak mempunyai Kesatuan Sekerja ataupun Kesatuan Sekerja yang ditubuhkan adalah lemah dan tidak memberi kesan, maka Undang-undang gaji minima telah ditubuhkan. Setakat ini lima Peraturan Gaji (Wages Regulations) telah ditubuhkan bagi Kumpulan-kumpulan pekerja di bawah ini:

- (i) Pemungkah kapal dan pengendali muatan di Pelabuhan Pulau Pinang;
- (ii) Pembantu Kedai (Semenanjung Malaysia);
- (iii) Pekerja Perhidangan Makanan di Hotel;
- (iv) Pekerja Panggung Wayang Gambar;
- (v) Pembantu Kedai (Sarawak).

### MUZIUM NEGERI SARAWAK

**20. Datuk Abdul Aziz bin Tapa** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan memandangkan bahawa muzium Negeri Sarawak terlalu sempit nampaknya, adakah apa-apa rancangan Kementerian ini untuk membesarkan muzium tersebut.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Muzium Negeri Sarawak tidak termasuk di bawah

kawalan atau pentadbiran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia. Dengan hal yang demikian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia ataupun Muzium Negara, Kuala Lumpur tidak dapat mencampuri hal ehwal pentadbiran dan juga rancangan-rancangannya. Segala rancangan bagi memajukan atau memperbesarkan Muzium Negeri Sarawak itu terpulanglah kepada Kerajaan Negeri Sarawak sendiri untuk menentukannya.

### RANG UNDANG-UNDANG TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (5hb Ogos, 1977).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Nik Hassan, sila lanjutkan ucapan.

3.35 ptg.

**Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa persidangan ini ditangguhkan saya sempat mengambil masa tiga minit untuk memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan kepada Dewan ini dan untuk memberi pandangan saya kepada Dewan ini mengenai Undang-undang Tribunal ini saya suka melanjutkan ucapan-ucapan saya kepada beberapa perkara yang patut saya menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua pada faham saya kita mengadakan Undang-undang Tribunal ini ialah satu cara yang segera untuk menyelesaikan masalah-masalah kepincangan yang timbul daripada Lapuran Jawatankuasa Kabinet. Dan untuk memberi masa yang baik dan memberi ketenangan kepada anggota Tribunal ini menjalankan tugas dan kerjanya, maka Undang-undang ini dimasukkan berbagai-bagai perkara yang boleh menahankan pekerja-pekerja ataupun kesatuan-kesatuan sekerja mengambil tindakan-tindakan perusahaan, dengan cara berpiket atau mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang boleh menimbulkan keadaan suasananya yang tidak baik bagi anggota Tribunal itu menjalankan tugasnya.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini kerana inilah sebaik-baik caranya untuk menyelesaikan masalah yang seumpama ini kerana kita dapat faham dan kita dapat melihat juga kita telah melalui pengalaman, kenyataan-kenyataan dan penerangan daripada Yang Berhormat Menteri kepada Kesatuan-kesatuan sekerja tidak dapat diterima. Penerangan-penerangan dan kenyataan-kenyataan mulut sahaja tidak dapat dimengertikan oleh pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja. Jadi perlulah Kerajaan mengadakan satu undang-undang yang membolehkan mereka faham bahawa Kerajaan berkehendak kepada satu suasana yang baik bagi menyelesaikan masalah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya pandang daripada luar iaitu daripada jauh dan sebagai seorang yang bukan ahli kesatuan sekerja dan bukan pula seorang ahli Kerajaan di dalam mana-mana jumaah Menteri, saya faham dalam pimpinan Kesatuan Sekerja ini ada tiga orang yang boleh kita gelarkan "The Gang of Three" iaitu saya katakan ketua kesatuan yang dinamakan CUEPACS yang diketuai oleh Encik Narendran. Dia ini ditugaskan untuk mencongkelkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan suasana yang menekan Kerajaan. Ini satu daripada pimpinan yang ada di dalam kesatuan sekerja—daripada pandangan saya—ini satu pemimpin yang tugasnya atau stretejinya ialah mencongkelkan supaya pemikiran pekerja-pekerja kesatuan-kesatuan sekerja yang bergabung dengan CUEPACS itu menimbulkan suasana penekanan kepada Kerajaan. Itu tugasnya. Manakala Encik Yahaya pula bertugas untuk menimbulkan anggota-anggota Melayu untuk berhadapan dengan rakyat sebagai anggota-anggota yang berpiket di pejabat-pejabat. Itulah sebab beberapa orang Ahli Dewan ini ada berkata mengapa orang Melayu ramai berpiket? Ini adalah kerana streteji kesatuan sekerja yang ada dalam negara kita ini. Jadi Encik Yahaya seorang pemimpin Melayu yang ada dalam kesatuan sekerja yang ditugaskan untuk menimbulkan muka Melayu yang berpiket. Jadi kalau kita tengok kalau ada berpiket di pejabat mana pun pekerja-pekerja Melayu ramai. Inilah stretejinya. Jadi salah satu daripada "The Gang of Three" ini ialah kerjanya berpiketkan orang Melayu yang diketuai oleh Encik Yahaya. Manakala Dr P. P. Narayanan ini ialah seorang yang mengeluarkan kenyataan sahaja, kenyataan

yang elok, yang manis yang menunjukkan seorang gentleman yang mengerti dalam peraturan dan undang-undang Kesatuan Sekerja. Kelmarin saya terbaca satu statement di dalam *Straits Times* yang menyatakan kenapa banyak sangat perkara-perkara perselisihan pekerja dengan majikan ini pergi ke Industrial Court; kenapa tidak dapat diselesaikan di luar; kenapa tidak dapat diperkukuhkan Jabatan Perhubungan Pekerja yang ada di Kementerian Buruh itu supaya dapat menyelesaikan perkara-perkara perselisihan ini supaya tidak begitu banyak pergi ke Mahkamah Perusahaan. Jadi Dr Narayanan ini seorang yang jaguh dalam bercakap, dia kata kenapa benda ini begini. Tetapi dibelakangnya ada anggota-anggotanya pula mencongkelkan supaya perkara itu pergi ke Industrial Court dengan banyaknya. Inilah saya katakan dari pandangan saya yang bukan ahli Kesatuan Sekerja; bukan ahli yang ada di dalam Kerajaan, tetapi saya pandang daripada luar ada tiga golongan pemimpin yang menjalankan streteji untuk menekan supaya berlakunya perkara-perkara yang bergelisah di dalam Kesatuan Sekerja ini.

Jadi daripada pandangan saya ini, saya faham undang-undang yang kita bentangkan kepada Dewan ini ialah satu undang-undang untuk menyelesaikan satu sahaja masalah iaitu satu masalah bagi mententeramkan suasana untuk menyelesaikan masalah anomali-anomali yang ada dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet itu. Kalau sekiranya kita tidak mengambil tindakan secara jangka panjang, maka the gang of three ini tidak akan berdiam diri, mereka ini masih bergerak dan akan mengaturkan streteji untuk menggunakan kuasa-kuasa mogok, kuasa-kuasa menjalankan kerja mengikut peraturan, kuasa-kuasa yang lain yang ada di dalam undang-undang ataupun Akta Trade Union untuk melemahkan tenaga Kerajaan kita dalam menghadapi masa pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita berasa bangga, kita rasa gembira dan kita rasa masa depan negara kita cerah apabila kita dengar kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin negara ASEAN yang memberi jaminan-jaminan untuk kemajuan masa depan ASEAN ini. Dan sebagai sebuah negara ASEAN kita telah mendapat pujian yang tinggi dan kita rasa kita akan dapat memasuki satu masa

yang baik untuk membangunkan negara kita ini dari segi perusahaan dan dari segi pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kita tidak berjaga-jaga di atas pergerakan Kesatuan Sekerja ini, maka harapan masa depan kita ini akan diganggu oleh penekanan-penekanan yang dilakukan oleh mereka yang bekerja ini melainkan kita mesti berani menghadapi the gang of three ini, menghadapi mereka dengan cara undang-undang, menghadapi mereka dengan cara tegas dan berani supaya mereka ini mengenali yang Kerajaan ini benar-benar mengambil langkah-langkah yang perlu bagi menstabilkan keadaan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita hendak membina sebuah industri yang besar kalau sekiranya pekerja-pekerja memberi gambaran yang buruk kepada masa depan negara kita; bagaimana kita hendak melaksanakan tugas kita dalam usaha kemajuan negara ASEAN ini kalau sekiranya kita sentiasa diganggu oleh ugutan-ugutan mogok dan ugutan-ugutan go slow, work-to-rule dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlu sebagai jangka panjang Kerajaan meneliti balik undang-undang ini ataupun Akta Trade Union kita. Kerana Akta Trade Union kita tidak memberi satu kuasa untuk menghalang pekerja-pekerja daripada menjalankan mogok dengan secara tidak rasmi, dengan secara tidak mogok. Mogok secara tidak mogok—iaitu apa yang dikatakan bekerja secara perlahan-lahan (work-to-rule). Kalau sekiranya kita biarkan di dalam Undang-undang kita ini pekerja itu boleh bekerja dengan secara work-to-rule atau go slow, maka gaji dibayar kerja tidak berjalan. Pernah berlaku di Pelabuhan Kelang, yang patut dipungkah beras lebih daripada 20 tan sehari, apabila pergerakan Kesatuan Sekerja ini menjalankan work-to-rule atau go slow, cuma dua tan sahaja sehari beras itu diangkut daripada jumlah 20 tan lebih sehari yang patut diangkut. Dan mereka ini pandai. Mereka pilih beras. Mereka tidak pilih barang lain, mereka pilih beras untuk dijadikan matlamat untuk melemahkan negara kita. Kalau beras telah tidak dapat diangkut manusia tidak boleh hidup. Dan ini satu masalah rakyat negara kita, bukan lagi masalah makanan di dalam negara kita ini. Dan ini masalah besar yang mana

Menteri sendiri mesti mengambil satu pemikiran yang tegas. Kalau perlu go slow atau work-to-rule ini diharamkan. Kalau mereka hendak mogok; mogoklah dengan cara berperaturan, dengan cara undang-undang supaya dapat kita menghadapi mereka dengan cara-cara yang terang bukan dengan selindung-selindung.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir inilah perkara yang perlu yang boleh diambil perhatian oleh Menteri Buruh kita ini dan saya minta Menteri Buruh ini dengan Timbalan Menteri kita berdiri teguh, jangan takut kepada Kesatuan Sekerja jangan takut kepada tindakan-tindakan mereka, asalkan kita benar dan kita berdiri di atas hak kepentingan negara kita ini. Bagi pihak Dewan ini, saya yakin, kita akan berdiri teguh di belakang Menteri; kita akan berdiri teguh di belakang Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir kita, kerana kita tahu mereka ini jujur menjalankan tugas dan kewajipan mereka. Apa juga undang-undang yang hendak diluluskan, kita luluskan segera supaya mereka ini mempunyai senjata yang cukup untuk menghadapi masaalah-masaalah negara yang maha besar ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan dua tiga orang rakan saya manakala memberi ucapan menyokong Rang Undang-undang ini menyatakan: "Saya memberi amaran kepada Kerajaan" ataupun "mengingatkan Kerajaan". Apa yang saya fikir pada hari ini kita patut memberi amaran kepada pekerja-pekerja, kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja, kepada pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja atau memberi ingat kepada mereka ini bukan memberi ingat kepada Kerajaan. Sebab kita tahu Kerajaan sedang menghadapi masalah besar dalam masalah Kesatuan-kesatuan Sekerja. Dan salah satu daripada Ahli dan beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah bercakap menyatakan mereka tidak bersetuju ahli Tribunal ini dipilih ataupun dilantik dari ahli politik ataupun pegawai Kerajaan yang tinggi tarafnya, yang mahir umpamanya. Mereka mahu ahli Tribunal ini janganlah dipengaruhi oleh politik, janganlah dipengaruhi oleh pegawai Kerajaan dan sebagainya. Saya faham kalau tidak ahli politik dan tidak pegawai Kerajaan siapa yang hendak dilantik? Adakah kita mahu pergi cari orang di tengah jalan yang tidak tahu apa satupun masuk duduk

dalam Tribunal ini dan menjalankan tugasnya membuat keputusan? Sebab dalam negara kita ini ada dua golongan yang besar daripada ahli bijak pandai: satu daripada golongan pegawai-pegawai Kerajaan yang mempunyai pengalaman dalam kerja, dan satu golongan lagi ialah ahli politik iaitu pemimpin-pemimpin negara kita. Ahli politik ini termasuklah Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat, termasuklah mereka yang cenderung dan cergas dalam politik. Kalau tidak mahu pilih Ahli Dewan Rakyat dan tidak mahu pilih Ahli Dewan Negara dan tidak mahu pilih pegawai Kerajaan, siapa yang hendak kita pilih? Ini saya hairan. Kenapa kita mesti takut begitu sekali untuk memilih orang-orang yang boleh memegang jawatan dalam Tribunal ini?

Saya rasa kalau perlu ada Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara yang boleh dan ada pengalaman, ada pengetahuan, lantik sahaja, sebab Parlimen ini bertanggungjawab dengan sepenuhnya di atas keselamatan negara kita. Parlimen inilah yang memutuskan sesuatu yang penting. Kalau Ahli Parlimen ini tidak dapat diberi tugas yang penting dalam sesuatu masaalah, kemudian bila masaalah itu buntu datang ke Parlimen, maka Ahli Parlimen ini juga yang akan memutuskannya. Bagaimana Ahli Parlimen ini hendak memutuskan sesuatu benda yang dia tidak mengerti dan tidak ada pengetahuan dalam masaalah ini? Ini saya hairan, kenapa ada Ahli-ahli yang cuba hendak memberi amaran kepada Kerajaan supaya jangan lantik ahli Tribunal daripada ahli politik dan pegawai Kerajaan—ini silap. Jadi, saya suka membetulkan, boleh jadi ahli itu salah faham dan apa yang ditakutkan ialah kesatuan sekerja memikirkan yang Tribunal ini dipengaruhi oleh ahli politik. Kita tidak takut dengar ahli kesatuan sekerja itu telah membuat keputusan untuk menubuhkan satu parti politik untuk menentang Kerajaan, untuk masuk dalam Parlimen ini, untuk mengambil kuasa dengan menggunakan pekerja-pekerja sebagai penyokongnya. Ini kita patut faham. Saya tidak menghalang mereka ini hendak tubuhkan parti politik, kerana hendak memperjuangkan hak kesatuan sekerja, tetapi hendak memperjuangkan hak kesatuan sekerja hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang ada di dalam Undang-undang Kesatuan Sekerja. Kalau hendak ditubuhkan parti politik mana perjuangan

politik itu berlainan pula daripada perjuangan yang ada di dalam Undang-undang Kesatuan Sekerja itu. Ini berbeza sekali. Jadi, itulah sebabnya saya rasa kita tidak perlu memberi syarat kepada Kerajaan supaya hendak melantik ahli Tribunal itu jangan terdiri daripada pegawai Kerajaan dan juga jangan daripada ahli politik, beri kebebasan kepada Menteri yang berkenaan, lantik siapa jua yang difikirkan مناسبah untuk menjadi ahli Tribunal ini yang boleh memberi fikiran membuat keputusan yang baik. Dan untuk jangka panjang, saya menyeru kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat supaya segera mengambil tindakan memperbaiki, membetulkan Undang-undang apa yang dikatakan Trade Unions Act itu supaya kita tidak lagi menghadapi masalah-masalah genting sebagaimana yang telah kita lalui di peringkat ini.

Saya sekali lagi hendak mengulangi kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat yang berkenaan supaya memperbaiki Undang-undang itu dan mengharamkan cara kerja go-slow dan cara kerja mengikut peraturan ini dan membetulkan syarat-syarat dalam permogokan ini, kerana senjata mogok ini adalah senjata akhir bagi kesatuan-kesatuan sekerja. Itulah sahaja ucapan ringkas saya dan saya ucapkan terima kasih.

3.55 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sekuat-kuatnya Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam 1977. Dan di samping sokongan saya dengan sekuat-kuatnya, sukaiah saya menarik perhatian untuk memberi beberapa pandangan saya tentang Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sekuat-kuatnya pendapat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa membentangkan Rang Undang-undang ini pada hari Jumaat kelmarin. Dan sukaiah saya menambah bahawa Rang Undang-undang ini sepatutnya lebih awal dahulu pihak Kerajaan mengemukakan, tetapi sungguhpun begitu tidaklah terlampau lewat masa Rang Undang-undang ini dikemukakan. Sebab saya memandang ancaman kepada negara kita sekarang ini selain daripada ancaman golongan komunis dan sekutu-sekutunya yang sedang berusaha untuk

mengancam keselamatan negara kita sekarang ini, tetapi juga ancaman mogok dan ancaman-ancaman perusahaan yang boleh memberi kesan yang tidak baik kepada ekonomi negara kita adalah tidak kurang bahayanya kepada negara kita dan seluruh rakyat.

Saya memandang berat pada masa akhir-akhir ini tentang setengah-setengah pihak pemimpin-pemimpin Trade Unions yang mana mereka nampaknya tidak begitu menumpukan target mereka kepada pembelaan nasib pekerja-pekerja di kalangan swasta, di kalangan syarikat-syarikat perusahaan tetapi nampaknya mereka sengaja menumpukan target mereka kepada pihak Kerajaan. Ini adalah satu masalah yang menjadi tandanya kenapa kepada Kerajaan mereka tuju-kan target mereka di samping mereka kononnya membela kepentingan pekerja-pekerja, tetapi pekerja-pekerja Kerajaan ataupun se-  
paruh Kerajaan, Badan-badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan inilah yang mereka beriaia sangat hendak membela, tetapi kepentingan-kepentingan pekerja di kalangan syarikat-syarikat swasta tidak begitu sangat walaupun ada, tidak begitu sangat menjadi target mereka.

Saya sangsi di sebalik usaha-usaha dan menjadikan Kerajaan sebagai target pembelaan golongan pekerja dari setengah-setengah pemimpin Trade Unions ini mungkin datangnya kalau tidak secara sengaja, mungkin digunakan oleh golongan-golongan yang sengaja hendak mengeruhkan suasana dan hendak mengganggu-gugat kedudukan Kerajaan sendiri. Jadi inilah kesangsian saya dan saya berharap supaya pihak pemimpin-pemimpin Trade Unions hari ini jangan membiarkan diri mereka dapat diperalatkan oleh anasir yang negara kita sedang hadapi sekarang ini. Saya berharap pihak pemimpin-pemimpin Trade Unions dapat menyedari masalah ini dan berilah pembelaan kepada nasib pekerja-pekerja ini secara yang adil. Maksud saya adil bukan sahaja kita mem-  
bela kepentingan pekerja dari segi tangga-  
gaji dan layanan kemudahan dan sebagainya tetapi juga kita memberi pimpinan kepada golongan pekerja-pekerja terutama pekerja-pekerja Kerajaan, badan-badan berkanun supaya kakitangan-kakitangan, pekerja-pe-  
kerja ini menyedari tanggungjawab dan tugas mereka kenapa mereka diambil ber-  
khidmat dengan Kerajaan atau badan-badan

Kerajaan ini. Adakah pengambilan perkhid-  
matan mereka ini sama tujuannya dengan  
pengambilan pekerja-pekerja dari kalangan  
syarikat-syarikat perniagaan dan per-  
usahaan, dari kalangan swasta yang walau-  
pun pekerja-pekerja ini mendapat sumba-  
ngan daripada kalangan swasta tetapi tidak  
kurang pihak swasta ini mencari keuntungan  
sebanyak-banyak yang boleh dari hasil  
keringat golongan pekerja-pekerja ini tetapi  
tidak begitu terhadap Kerajaan, tidak  
begitu juga terhadap badan-badan berkanun  
yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan. Sebab  
memang kita ketahui bahawa Kerajaan  
mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk  
umum, bukan untuk mencari keuntungan se-  
bagaimana syarikat-syarikat perniagaan,  
begitu juga dari kalangan badan-badan  
Kerajaan, agensi-agensi Kerajaan. Memang  
Kerajaan menubuhkan badan-badan ini  
bukan untuk tujuan perniagaan sebagaimana  
swasta. Jadi kalau pemimpin-pemimpin ke-  
satuan ini memberi kesedaran kepada golo-  
ngan pekerja-pekerja di bawah kesatuan  
mereka maka mereka akan dapat memberi  
sumbangan yang lebih bererti kepada Kera-  
jaan, kepada agensi-agensi Kerajaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya  
harapkan ialah supaya pihak kesatuan se-  
kerja dapat memberi sumbangan secara adil  
di samping mereka membela kepentingan  
golongan pekerja untuk mendapatkan  
layanan yang baik, mendapatkan tanggagaji  
yang baik tetapi dapat menaikkan taraf  
pekerja-pekerja, kakitangan-kakitangan ini  
supaya sesuai dengan kehendak dan dasar  
Kerajaan sekarang ini yang hendak melipat-  
gandakan kerja-kerja, usaha-usaha untuk  
rakyat jelata sekalian untuk membangunkan  
negara ini. Jadi kalau kita selalu mendengar  
tuntutan bagi setengah Jabatan-jabatan Ke-  
rajaan, umpamanya kalau peruntukan se-  
belum Rancangan Malaysia Ketiga ini hanya  
sekadar \$1 million sedangkan kakitangan  
hanya mempunyai 100 orang, ada pula  
sungutan-sungutan mengatakan bahawa kalau  
sekarang ini peruntukan sudah melibatkan  
perbelanjaan \$10 million misalnya maka  
kakitangan juga mahu ditambah 10 kali  
ganda daripada kadar yang telah sedia ada  
itu. Keadaan ini memang wajar kalau dikaji  
dari satu segi tetapi kita boleh mengupgred-  
kan tindakan kakitangan Kerajaan ini dengan  
menambah kemampuan (capacity) menye-  
lesaikan kerja di Jabatan-jabatan itu atau di  
agensi-agensi Kerajaan ini dengan lebih pesat.

Kalau perlu ditambah masa berkhidmat umpamanya dengan dikenakan bayaran elau lebih masa (overtime) supaya matlamat Kerajaan itu dapat dilaksanakan dan tidaklah menunggu penambahan kakitangan (staff) seperti yang diminta, sebab memang kita ketahui bahawa untuk mendapatkan pegawai-pegawai yang mencukupi dalam masa yang singkat memang kita menghadapi problem. Jadi untuk menambah kemampuan, keupayaan menjalankan tugas ini boleh diatasi dengan kerjasama ketua-ketua Jabatan dan juga pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja yang sentiasa memberi tanggungjawab yang seadil-adil sebagaimana saya maksudkan tadi. Jangan dari pembelaan gaji sahaja mereka tuntutan tetapi hendak mengupgredkan kemampuan menjalankn tugas kakitangan ini tidak ditambah sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menarik perhatian pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja supaya mengelakkan diri kalau-kalau apa yang saya sebutkan tadi boleh diperalatkan oleh musuh negara kita dengan tindakan yang sewenang-wenang. Maka amatlah wajar sekali Rang Undang-undang ini dikemukakan supaya masalah-masalah tuntutan gaji ini ataupun perlaksanaan-perlaksanaannya nanti tidak menimbulkan suasana mogok, suasana apa yang dikatakan work-to-rule, kerja slow tidak akan melibatkan ekonomi negara kita. Saya rasa kalau kita dapat melakukan kerjasama bagi semua pihak, insya Allah ekonomi negara kita tidak akan terancam dan keamanan dalam negara kita juga tidak akan terjejas. Tetapi kalau sekiranya Bil ini tidak dikemukakan mengikut pendapat saya dan mogok demi mogok umpamanya, work-to-rule demi work-to-rule akan dilakukan mungkin suasana negara kita akan diancam oleh mula-mula sekali kucar-kacirnya kedudukan ekonomi kita dan akhirnya komunis akan mengambil kesempatan mengancam negara kita ini hasil daripada kesulitan rakyat berpunca daripada keadaan yang tidak stabil yang datangnya daripada ancaman-ancaman mogok dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja pandangan saya dalam menyokong Bil ini dan saya sukalah memberi tahniah kepada pihak Kerajaan kerana dapat mengemukakan Rang Undang-undang ini dan tidak begitu terlewat.

4.10 ptg.

**Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Tribunal yang dibentangkan oleh Timbalan Perdana Menteri pada 5hb Ogos yang lalu.

Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Kerajaan yang dapat mengadakan Rang Undang-undang Tribunal yang kita bahaskan sekarang ini.

Saya tidak hendak bercakap panjang kerana perkara yang rakan saya sebutkan semua telah dibahas selama sehari dan saya hendak bercakap mengenai dua perkara sahaja.

Pertama, perkara perlantikan yang disebutkan oleh akan saya sebentar tadi iaitu apabila melantik seorang Pengerusi itu hendaklah betul-betul orang yang berpengalaman dan orang yang bertanggungjawab serta sanggup susah payah di antara satu sama lain. Saya juga menyokong ucapan Senator Ibrahim Yaacob yang mencadangkan supaya dilantik 13 orang. Jadi perlantikan itu betul-betul wajar kerana termasuk juga Ahli Parlimen dan juga Ahli Dewan Negara dan juga pegawai-pegawai Kerajaan. Maka saya setuju dengan cadangan itu dan saya berharap supaya dapat dijalankan perlantikan itu dengan betul-betul sebab kalau perlantikan Tribunal tadi tidak betul-betul bertanggungjawab, saya percaya akan terjadi seperti yang berlaku dahulu dan Timbalan Perdana Menteri pun telah memberi tahu beberapa kali bahawa laporan-laporan seperti Laporan Suruhanjaya Gaji Harun, Suffian, Aziz dan Ibrahim Ali sampailah kepada Laporan Kabinet sekarang ini. Di sini saya berharap pihak pegawai Kerajaan supaya patuh kepada Rang Undang-undang ini dan juga pihak kesatuan sekerja patuhlah kepada Rang Undang-undang Tribunal ini dan memberikan kerjasama antara satu dengan lain, dengan itu akan memberikan kejayaan kepada negara kita.

Kedua, saya suka sebutkan sungguhpun tidak ada dalam Rang Undang-undang ini secara khusus, saya berharap kepada Kementerian Pertahanan supaya dapat mengkaji dengan secepat mungkin tanggungjawab tentera kerana kita tahu tanpa tentera, tidak ada keselamatan dalam negara kita ini.

Saya juga berseru kepada ahli kesatuan sekerja supaya dapat mereka itu meneliti betul-betul kedudukan negara kita ini dan mereka itu patutlah menerima Rang Undang-undang ini dengan baik. Kita tahu semasa 1974 dan 1975 dahulu kita telah luluskan Rang Undang-undang berkenaan dengan tindaktanduk pelajar-pelajar. Kita telah luluskan Rang Undang-undang Akta Universiti, sekarang pihak pelajar tidak mengadakan demonstrasi di dalam negara kita ini. Saya harap begitulah juga setelah diluluskan Rang Undang-undang ini, dapat Jawatankuasa Tribunal ini menjalankan tugasnya dengan baik. Saya berharap pada pihak kesatuan supaya dapat mereka itu menerima undang-undang ini dengan baik berdasarkan kedudukan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa sebagai manusia kita tidak dapat lari dari perasaan tidak puas hati. Kalau manusia buat pun tak puas hati, kalau Tuhan buat pun mereka tak puas hati. Ini difahami kerana kita sama-sama dijadikan oleh Tuhan. Kalaupun Tuhan turunkan hujan lebat, kita marah "Amboi! Tuhan, apa hujan turun sampai banjir sana sini". Kita tak senang dan marah kepada Tuhan. Kalau Tuhan bagi panas, kita kata juga. "Apa Tuhan bagi panas, sampai hendak tidur pun tak boleh". Ini tabiat manusia tidaklah pelik.

Jadi itulah harapan saya dengan adanya Undang-undang Tribunal ini insya Allah kita akan dapat mencapai kejayaan dan ketenteraman negara dan kita akan dapat bersatu padu antara satu sama lain dan kita berharap supaya kita dapat tuju satu matlamat sahaja kepada Rancangan Malaysia Ketiga yang kita laung-laungkan sekarang ini.

Sekali lagi saya menyokong penuh Rang Undang-undang ini dan saya ucapkan terima kasih.

4.15 ptg.

**Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang apa yang dinamakan Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977. Dan sebagaimana rakan-rakan saya yang lain, saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan kerana dapat membuat satu Rang Undang-undang yang agaknya begitu baik dan boleh dikatakan satu Rang Undang-undang yang banyak memberi masa untuk

menjadikan satu Undang-undang yang sukar dicari loopholesnya. Walau bagaimanapun, saya suka memberi sedikit ulasan tentang hukuman di bawah Fasal 20 (3):

"(3) Mana-mana pemegang jawatan sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu persatuan pegawai-pegawai awam yang bukan suatu kesatuan sekerja yang mengurus atau membantu dalam mengurus mana-mana kesatuan sekerja atau mana-mana persatuan yang disebutkan dalam seksyen-kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda sebanyak lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Saya suka memberikan pandangan di atas Rang Undang-undang ini yang memang tepat, tetapi jika mereka itu membuat kesalahan yang kedua misalnya, saya rasa patut diadakan suatu hukuman yang lebih berat daripada ini. Sebab kita terdapat banyak undang-undang seperti orang-orang mengeluarkan perkataan yang tidak baik kepada pasukan polis misalnya tetapi bila perkara itu dibawa ke mahkamah cuma diberi denda \$20-\$30 sahaja. Jadi orang ramai atau orang yang membuat kesalahan tadi tidak menghormati undang-undang ataupun kepada apa yang diluluskan sebagai undang-undang.

Saya rasa ini satu pandangan pihak Kerajaan sebagaimana yang diberi jaminan oleh Timbalan Perdana Menteri akan mengubah undang-undang ini untuk menjadikannya lebih tegas jika perlu dari masa ke semasa.

Saya suka juga memberi sedikit pandangan dalam soal lain. Kita tidak anti pekerja, bahkan kita mengucapkan ribuan dan jutaan terima kasih kepada setengah juta pekerja dan pegawai yang bekerja dengan Kerajaan dan separuh Kerajaan dalam negara ini kerana khidmat mereka yang cemerlang setakat ini memberikan negara kita satu kedudukan yang tinggi kalau dibandingkan dengan banyak negara lain di kawasan Asia. Ini adalah sumbangan mereka kepada negara kita. Apa yang menjadi kewajipan kita sekarang untuk menjaga ialah tindak-tanduk beberapa orang pemimpin kesatuan sekerja yang boleh dikatakan 3-5 orang sahaja. Saya rasa tidak lebih dari satu dozen manusia itu. Saya rasa pekerja-pekerja dalam negara ini yang bekerja dengan Kerajaan di mana akan tertakluk

dengan undang-undang ini tidak akan merasa kecil hati ataupun apa-apa perasaan lain yang Kerajaan cuba hendak menekan mereka. Saya ingat Kerajaan tidak sekali-kali berniat untuk berbuat demikian, cuma Malaysia kita ini ialah satu negeri yang biasa diperintah oleh Kerajaan Inggeris semenjak beberapa puluh dan ratus tahun. Jadi, kebanyakan undang-undang, Tuan Yang di-Pertua, kita menurut undang-undang daripada negeri Inggeris, termasuk undang-undang trade unions. Tetapi apabila kita lihat kembali tentang kedudukan trade unions atau kesatuan-kesatuan sekerja dalam England, dalam Australia dan dalam Kanada kita nampak betul kemerosotan ekonomi di England asal-usulnya daripada kesatuan sekerja. Begitu juga kemerosotan ekonomi di Australia pada hari ini padahal negeri-negeri ini 100 kali lebih kaya daripada negeri kita. Jadi apa tindakan yang dibuat oleh Kerajaan ialah untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja dan juga keselamatan negara dan kita terpaksa menyesuaikan diri membetulkan undang-undang kita supaya apa juga kesilapan yang terjadi di England, di Australia dan lain-lain tidak akan berulang dalam negeri kita.

Kita sebagai satu negeri saya rasa patut mencontohi negeri Jepun dan negeri Germany. Jikalau kesatuan-kesatuan sekerja terutama pemimpin-pemimpin mereka dapat melawat negeri-negeri itu, Germany atau negeri Jepun dan lihat bagaimana ekonomi negeri Jepun dan ekonomi di Germany yang telah dirosakkan dalam masa perang, begitu hebat sekarang, negeri Jepun menjadi negeri yang kemajuan ekonominya ialah yang nombor tiga dalam dunia ini. Begitu juga Germany satu daripada negeri yang mencapai kemajuan ekonomi kerana pekerja mereka lebih tekun, lebih rajin untuk mencapai kemajuan dalam ekonomi. Jadi inilah patut pekerja-pekerja kita bukan sahaja pekerja-pekerja dalam Kerajaan, tetapi juga pekerja-pekerja lain mengambil contoh, mengambil pelajaran dan mengambil pengalaman supaya bersama-sama kita dapat mencapai kemajuan dan kemajuan itu semua rakyat di segenap lapisan baik pegawai Kerajaan, baik pekerja dapat menikmati kemajuan.

Saya suka mengambil satu contoh tentang satu organisation dalam Malaysia yang didapati begitu merosot. Saya mengambil ini sebagai satu contoh—saya minta maaf

jikalau yang saya sebutkan ini mengecilkan hati mereka—saya suka membuat satu perumpamaan di sini iaitu Syarikat Penerbangan MAS kita. MAS apa yang saya diberitahu hari ini mempunyai 6,000 pekerja tetapi dengan sebab-sebab tertentu menerima kerugian yang begitu besar. Tetapi SIA mempunyai 5,000 pekerja dan apa yang saya tahu SIA memberi perkhidmatan yang lebih banyak dan pergi ke tempat yang lebih banyak, perkhidmatannya lebih efficient dan tahun yang sudah mendapat keuntungan \$41 juta. Ini menunjukkan satu daripada sebabnya ialah pekerja. Kita patut mempunyai pekerja daripada atas, daripada management level sampai ke bawah yang betul-betul dedikasi, betul-betul bekerja bukan bekerja untuk gaji sahaja, bekerja kerana mereka mendapat wang. Kalau bekerja tidak nampak ketua, duduk sahaja di tepi mana-mana atau mencari jalan untuk ponteng. Jadi, ini bukan merugikan diri kita sendiri tetapi juga negara, macam perumpamaan saya tadi, jikalau MAS rugi tahun ini dan tahun depan lagi, satu hari kelak terpaksa mengurangkan pekerja-pekerja. Jadi ini merugikan pekerja juga. Tetapi kalau MAS itu mendapat keuntungan, tentu pekerja-pekerja ini kedudukannya terselamat. Oleh itu, saya rasa pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja daripada segenap lapisan baik pihak Kerajaan, baik pihak private mempunyai dedikasi, memberi pimpinan yang betul-betul ikhlas untuk menjadi pemimpin, bukan sahaja untuk mendapat gaji yang lebih atau memelihara kedudukan mereka, tetapi untuk menjalankan tugas yang ditanggungkan kepada mereka.

Jadi sekali lagi, saya mengucapkan syabas dan menyokong Rang Undang-undang ini.

4.28 ptg.

**Dr Lim Ah Sitt:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 yang sedang dibahaskan. Di samping itu, saya suka juga memberi sedikit pandangan saya atas Bil ini. Seperti yang dimaklumkan, Tuan Yang di-Pertua, Bil ini bertujuan untuk menubuhkan suatu badan untuk menyiasat dan menyelesaikan anomali-anomali berkenaan dengan saraan

dan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan dalam perkhidmatan awam berikutan dengan perlaksanaan Lapuran Jawatankuasa Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, Bil ini adalah dianggap sangat mustahak dan perlu ditubuhkan memandangkan dengan banyaknya anomali-anomali yang timbul berikutan dengan Lapuran Jawatankuasa Kabinet, dan jika saya tidak salah, tidak kurang dari 500 memorandum sudah dihantar kepada Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini jika tidak diselesaikan atau diperbaiki boleh mendatangkan keadaan tidak kepuasan hati, sakit hati bagi pihak pekerja-pekerja diikuti dengan melambatkan, menangguhkan dan tidak cekap dalam kerjanya dan yang lebih serious lagi mogok dan tindakan perusahaan akan timbul yang boleh memberi kerumitan dan celaka besar kepada rakyat dan negara kita yang sedang maju.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini melarang apa-apa mogok atau tindakan perusahaan dalam masa perbicaraan Tribunal masih belum diselesai atau pada bila-bila masa selepas sesuatu keputusan dibuat oleh Tribunal.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun dan menghadapi berbagai-bagai masalah seperti masalah sosio-ekonomi dan keselamatan di mana negara kita sedang menghadapi ancaman subversif di dalam dan militant communism di luar, dan negeri kita sedang menjalankan Rancangan Ekonomi Malaysia Ketiga dan kita tidak boleh menghadapi sebarang langkah perusahaan dari bermacam-macam bentuk seperti bekerja mengikut peraturan (work-to-rule), tidak mahu bekerjasama (non-cooperation) atau patuh kepada perintah yang atas, piket dan mogok, mengakibatkan kerosakan dan kesusahan dan membahayakan kepentingan dan kebajikan negara dan rakyat dan juga menghalang rancangan pembangunan negara kita. Saya suka di sini mendesak pemimpin-pemimpin kesatuan dan kesatuan-kesatuan masing-masing supaya bertindak dan menerima lebih tanggungjawab dan meletakkan kepentingan nasional ke atas, mengenyepikan kepentingan sensational dan persendirian.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya saya juga suka menarik perhatian Dewan ini bahawa kita tidak boleh dapat sebuah badan

Perkhidmatan Awam yang jujur, cekap dan dedikasi jika pekerja-pekerja tidak mencukupi gaji, lebih bekerja dan tidak puas hati. Jika seorang pekerja kurang bergaji dan tidak memenuhi kehendaknya dia akan menghadapi kesusahan mental dan tidak dapat memberi perhatian yang penuh ke atas kerjanya dan ini akan mengakibatkan kecekapannya. Tidak puas hati di antara pekerja-pekerja kerana gaji terlampau rendah atau syarat pekerjaannya tidak memuaskan atau syarat-syarat yang tidak patut boleh membawa kepada keadaan kelalaian, kelambatan, tidak cekap, tidak tekun dan kerja-kerja yang ditugaskan terhenti begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penubuhan Tribunal Perkhidmatan Awam itu dalam Fasal 3, saya berharap Tribunal ini benar-benar bebas dan berdikari dengan fikiran terbuka bagi mengatasi semua anomali-anomali yang dihantar tanpa takut atau pilih kasih. Untuk mencapai sesuatu keputusan ke atas satu anomali, Tribunal itu hendaklah menggunakan perhatian kedua-dua pihak iaitu pihak Kerajaan dan juga pekerja supaya menjaga kepentingan nasional dan kedudukan kewangan dan kebolehan Kerajaan tetapi juga tidak lupa kerumitan-kerumitan dan kesusahan pekerja kerana gaji yang rendah tidak patut dan syarat-syarat pekerjaan yang tidak sesuai. Perhatian yang teliti hendaklah digunakan bagi memilih Pengerusi Tribunal ini. Pengerusi Tribunal ini hendaklah terdiri daripada seorang yang memperolehi pelajaran yang tertinggi, berkaliber, kejujuran, penuh dengan pengalaman dan pengetahuan pentadbiran dan sebaik-baiknya saya fikir dipilih dari Jabatan Kehakiman Mahkamah Tinggi, dan juga ahli panel hendaklah dipilih yang terdiri dari orang yang jujur, ikhlas yang memperolehi pelajaran yang sesuai, mempunyai pengalaman dan pengetahuan pentadbiran. Mereka hendaklah terdiri dari semua lapisan rakyat dari golongan orang ramai di berbagai-bagai kaum masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja pandangan saya. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan tahniah atas Bil ini dan memberi sokongan yang penuh.

4.36 ptg.

**Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian di dalam membahaskan Bil

Tribunal Perkhidmatan Awam yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita pada hari Jumaat yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Bil ini datang ke Dewan ini ialah untuk menyelesaikan masalah anomali-anomali yang tidak dapat diselesaikan oleh pihak Kerajaan kerana tidak puas hati daripada kesatuan-kesatuan sekerja ataupun daripada CUEPACS sendiri. Tuan Yang di-Pertua, Bil ini patut kita adakan lebih lama daripada ini iaitu semasa kita mengadakan Undang-undang Buruh dahulu patut Bil ini kita sudah ada. Tetapi kerana kita terlampau jujur, terlampau bertimbang rasa sehingga hari ini nyaris-nyaris kita keciwa oleh perbuatan-perbuatan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja kerana Kerajaan dianggap sebagai majikan. Ini dari segi perkataan, dari segi perkataan undang-undang sememang Kerajaan itu adalah dianggap sebagai majikan, pada hakikatnya tidak. Saya berpendapat Kerajaan ini tidak berhakikat sebagai majikan kerana majikan dia hendakkan keuntungan itu pergi kepada shareholder-shareholdernya tetapi Kerajaan yang dikatakan majikan daripada Kerajaan ini keuntungan-keuntungan yang didapati oleh Kerajaan pergi kepada rakyat jelata sendiri. Di mana membaiki jalanraya, mendirikan hospital, mendirikan sekolah-sekolah, tidak ada satu sen keuntungan yang masuk poket Kerajaan, melainkan dia balik semula kepada rakyat. Tetapi malangnya kerana Kerajaan ini sudah diistilahkan majikan maka kesatuan-kesatuan sekerja menuntutlah yang bukan-bukan untuk memuaskan hati manusia, walhal kita sendiri tahu, pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja sendiri tahu bahawa tidak dapat kita hendak memenuhi nafsu manusia ini. Dengan adanya Bil ini ringan sedikitlah Kerajaan dan saya berpendapat Bil ini tidak begitu ketat lagi kerana tidak ada senjata Kerajaan menolak apa yang diputuskan oleh Tribunal. Walaupun di dalam Seksyen 14 (2) menyatakan bahawa Tribunal hendaklah memikirkan dan membuat keputusan mengikut kemampuan oleh Kerajaan. Tetapi dalam Seksyen 15 menyatakan keputusan yang dibuat oleh Tribunal ini mestilah dilaksanakan oleh Kerajaan. Jadi kedua-dua ini tidak ada senjata pada Kerajaan kecuali ahli-ahli dan Pengerusi Tribunal terdiri daripada mereka yang benar-benar kasihkan negara ini, kalau tidak maka saya takut ahli Penal ini akan

membuat keputusan yang silap kerana hendak memikirkan kepuasan orang ramai semata-mata. Sebagai contohnya Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali sendiri, kerana Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Alilah menyebabkan Bil ini kita bincangkan pada hari ini, kerana menolak Suruhanjaya Ibrahim Ali, maka Kabinet terpaksa membuat satu lapuran gaji Kabinet kemudian timbullah tentangan-tentangan tidak pusa hati menyebabkan Bil ini dibentangkan.

Saya berharap dan barangkali juga orang ramai berharap terutama sekali petani-petani, nelayan-nelayan, penoreh-penoreh getah mengesa Kerajaan supaya melantik Pengerusi dan ahli Penalnya bukanlah memikirkan kepada kelulusan sahaja, tetapi hendaklah difikirkan kepada mereka yang benar-benar kasih kepada negara ini. Masaalah jujur dan ikhlas tidak dapat kita sukut dan dapat menentukan barangkali, Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat menelah samada saya ini orang yang jujur ataupun sebaliknya. Perkataan jujur dan ikhlas ini susah kita hendak menimbangkan. Walaupun begitu, saya harap pihak Kerajaan jangan segan dan silu kalau ada terjumpa mana-mana lubang yang boleh mengeciwakan Kerajaan, dengan segera bawa pindaan kepada Dewan ini. Saya yakin dan percaya Ahli-ahli Dewan ini akan meluluskan untuk kebaikan Kerajaan dan orang ramai seluruhnya. Saya berkata begitu walaupun bilangan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berkhidmat ini banyak sehingga lebih daripada 500,000 orang, tetapi betapa hal mereka seperti penoreh getah, penanam padi, penanam sayur dan juga nelayan-nelayan kita yang mendapat pendapatan tidak sampai setengah dari pendapatan yang serendah-rendah gaji Lapuran Kabinet yang dibayar pada hari ini. Misalnya, serendah-rendah gaji Lapuran Kabinet, kalau tidak silap saya ialah \$185, tetapi ada orang kampung yang cuma mendapat antara \$30-\$50 sahaja sebulan, walhal mereka ini juga sama kena membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga hairan dan pelik mengapa tindakan-tindakan daripada pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja ini nampaknya mengapi-apikan pekerja-pekerja awam Kerajaan sahaja. Baru-baru ini kita dengar daripada mulut pemimpin mereka bahawa mereka akan menubuhkan parti politik untuk mengambil bahagian dalam pilihanraya yang akan

datang. Saya angkat topi, jemput pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja ini menubuhkan parti politiknya berhadapan dengan rakyat samada mereka kena pilih ataupun tidak. Walaupun Perlembagaan kita mengikut Perlembagaan British, tetapi sampailah masanya demokrasi ala Malaysia kita patut jalankan kerana mengikut demokrasi British ini nampaknya Kerajaan British kalau kita dengar cerita seperti Yang Berhormat Datuk Syed Kechik cakap tadi sudah hendak bengkerap, dan yang sebenarnya bukan hendak bengkerap tetapi sudah bengkerap. Nasib baik dapat bantuan daripada rakan-rakannya beberapa juta ringgit, maka barulah Kerajaan Inggeris itu sendiri dapat bernafas semula. Jadi kita tidak mahu kerana perbuatan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja ini, maka negara kita akan jadi sebagaimana negara British. Saya rasa patut Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengambil perhatian dan saya yakin serta percaya masaalah ini tidak mustahil tidak boleh dipengaruhi oleh anasir-anasir subversif, sedangkan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telahpun dipengaruhi oleh kominis. Inikan pula kesatuan-kesatuan sekerja, saya fikir tidak mustahil yang mereka ini tidak boleh dipengaruhi oleh kominis ataupun oleh gerakan subversif.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahajalah pandangan saya di atas Bil ini dan saya memberi sokongan sepenuh-penuhnya supaya Bil ini dilaksanakan.

4.50 ptg.

**Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya saya adalah seorang yang mengambil masa yang banyak semasa kita membincangkan usul menolak Lapuran Suruhanjaya Ibrahim Ali dan menerima Lapuran Jawatankuasa Kabinet pada akhir bulan Januari, tahun ini. Dan kepada penghujung ucapan saya, saya telah menyatakan bahawa saya menunggu ujudnya satu badan bebas, dan pada hari ini saya bersyukur yang badan bebas itu akan diwujudkan mengikut bentuk apa yang digelarkan di sini Tribunal Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap dengan lulusnya Rang Undang-undang ini maka tamatlah satu babak-babak yang pada suatu

ketika hampir menggemparkan negara. Maka dengan adanya Tribunal Perkhidmatan Awam ini, saya harap semua pertikaian yang telah timbul dapat diselesaikan dengan bijaksana dan dengan kepuasan kepada kedua belah pihak.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Tribunal Perkhidmatan Awam ini memang khususnya diwujudkan kerana menyelesaikan pertikaian berkenaan dengan anomali yang dirujukkan seperti yang tertera di bawah Fasal 4 Rang Undang-undang ini:

“4. Tugas-tugas Tribunal ialah memutuskan apa-apa pertikaian berkenaan dengan sesuatu anomali yang dirujukkan kepadanya di bawah peruntukan-peruntukan Akta itu”.

Daripada situ saya dapati bahawa tugas Tribunal ini memang tepat dan tidak boleh diluaskan. Apa yang dimaksudkan ialah sungguhpun masaalah pertikaian di antara pekerja-pekerja Kerajaan dengan Kerajaan sendiri ini diharapkan dapat diselesaikan; tetapi masaalah besar, masaalah kenaikan harga barang, itu satu perkara yang lain. Dan saya harap sambil Tribunal Perkhidmatan Awam ini menjalankan tugas-tugasnya, maka Kerajaan serta orang ramai juga akan mencari jalan dan ikhtiar supaya harga barang-barang ataupun inflasi tidak meningkat. Kerana jikalau harga barang-barang atau inflasi meningkat apa yang akan jadi ialah Tribunal ini sendiri sudah menjadi lapuk (out-of-date). Maka adalah menjadi tugas kita semua samada Kerajaan, Kesatuan Sekerja ataupun orang ramai mencari jalan menentukan supaya gaji yang ditetapkan itu berpatutan dengan kehidupan untuk menampung sara hidup. Dengan erti kata yang lain, jagalah supaya inflasi tidak bertambah. Daripada angka-angka yang saya nampak, inflasi kita tahun ini adalah lebih daripada tahun lepas. Dan daripada projection yang dibuat oleh pakar-pakar kita dan Kerajaan juga pada tahun depan angka itu juga akan meningkat lebih daripada tahun ini. Jadi inilah bahaya-bahaya yang patut kita sedari kerana apa juga keputusan yang dibuat oleh Tribunal Perkhidmatan Awam ini tidak akan mempunyai erti jikalau kawalan terhadap inflasi itu tidak dibuat dengan betul-betulnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak bercakap panjang di atas Rang Undang-undang ini kerana seperti yang

saya katakan tadi, saya harap dengan ujudnya Tribunal Perkhidmatan Awam ini maka masalah yang timbul itu dapat diselesaikan dan dapatlah ditutupkan babak peristiwa yang saya katakan tadi, hampir menggegar negara.

Saya cuma ada beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang ini iaitu yang saya hendak sentuh dan saya minta izin supaya saya dibenarkan saya sentuh di peringkat ini dan bukan di peringkat Jawatankuasa.

Perkara pertama, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan dengan Fasal 11 (3) yang mana disebutkan:

“11. (3) Jika sesuatu anomali yang disebutkan di bawah seksyen ini diselesaikan melalui rundingan, maka keputusan itu hendaklah berkuatkuasa dan berkesan sama seperti suatu keputusan Tribunal”.

Apa yang saya faham ialah jikalau anomali itu dapat diselesaikan secara rundingan dan tidak dirujuk kepada Tribunal maka keputusan itu adalah dianggap seperti satu-satu keputusan Tribunal.

Saya kurang jelas sedikit kerana apabila saya rujuk kepada Fasal 15 (3) yang mana ada disebutkan:

“15. (3) Sesuatu anomali yang dirujuk kepada Tribunal dan yang keputusan mengenainya telah diberi oleh Tribunal tidak boleh dibangkitkan atau menjadi hal-perkara rujukan selanjutnya kepada Kerajaan dalam apa-apa rupa atau bentuk oleh mana-mana pegawai awam atau sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu persatuan pegawai-pegawai awam yang bukan suatu kesatuan sekerja”.

Maknanya, apa yang saya faham ialah bila keputusan itu telah dibuat oleh Tribunal maka perkara itu tidak boleh dibangkitkan semula. Jadi saya tidak begitu jelas apabila saya bandingkan kepada Fasal 11 (3) tadi. Kerana di sini sungguhpun perkara itu boleh diselesaikan melalui rundingan tetapi itu tidak bermakna yang perkara itu tidak boleh ditimbulkan semula. Saya lebih senang, Tuan Yang di-Pertua, jikalau satu peruntukan dibuat di bawah Fasal 11 yang menyatakan:

“Apa juga penyelesaian yang dibuat melalui rundingan bolehlah didaftarkan di Pejabat Tribunal Perkhidmatan Awam dan

itu akan dianggap sebagai keputusan muktamad dan tidak boleh diungkit-ungkit lagi”.

Seperti yang dibuat di bawah peruntukan Akta Perhubungan Perindustrian (Industrial Relations Act) di mana jikalau persetujuan telah dicapai di antara majikan dengan kesatuan sekerja secara rundingan, itu boleh didaftarkan di Mahkamah Perusahaan dan itu dianggap sebagai muktamad. Dan di sini kalau dapat supaya jelas di bawah Fasal 11 (3) perkara ini dapat didaftarkan supaya tidak boleh sesiapa atau mana-mana pihak mengungkit lagi. Bila saya baca Fasal 11 (3) mungkin ini ada perkara yang boleh ditimbulkan semula. Tetapi kalau perkara ini telah dirujuk kepada Tribunal maka perkara itu tidak boleh ditimbulkan semula kerana peruntukan di bawah Fasal 15 (3) sudahlah jelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh satu perkara kecil yang mana saya rasa ini tidak meliputi kesemua orang iaitu berkenaan dengan Fasal 16 di bawah kuasa-kuasa Suruhanjaya Gaji di mana Menteri tidak boleh disaman. Fasal 16 menyatakan:

“Tiada seseorang ahli suatu suruhanjaya gaji atau Jawatankuasa Kabinet atau mana-mana Menteri boleh disaman supaya memberi keterangan di hadapan Tribunal”.

Saya bersetuju supaya ahli-ahli Suruhanjaya Gaji ataupun Jawatankuasa Kabinet atau mana-mana Menteri tidak usah disaman untuk memberi keterangan di hadapan Tribunal. Saya cuma bertanya mengapa Menteri Besar atau Ketua Menteri tidak dimasukkan sama, mungkin oleh kerana Menteri Besar telah biasa masuk ke mahkamah agaknya, itu sengaja diketepikan. Kerana kalau kita lihat tafsiran Kerajaan di bawah Fasal 2, kita nampak Kerajaan, ertinya Kerajaan Persekutuan atau satu-satu Kerajaan Negeri. Saya rasa ada baiknya kalau kita masukkan juga Menteri Besar atau Ketua Menteri sebagai orang-orang yang tidak boleh disaman untuk memberi keterangan di hadapan Tribunal.

Itulah sahaja pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sekali lagi menyokong dengan sepenuhnya.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempuhkan selama 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 5.02 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.20 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

*5.20 ptg.*

**Tuan T. S. Gabriel:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian untuk menyokong bersungguh-sungguh atas Rang Undang-undang Akta Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977. Saya berharap dengan adanya Akta Tribunal Perkhidmatan Awam ini perhubungan antara kesatuan sekerja dengan Kerajaan akan dapat dirapatkan pada masa akan datang, oleh sebab kita mendapat tahu pada masa sekarang antara Kerajaan dan kesatuan sekerja tidak ada persefahaman dan perhubungan baik. Saya harap usaha Kerajaan menubuhkan Tribunal ini akan merapatkan hubungan baik antara ketua-ketua kesatuan sekerja dengan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Kerajaan adalah amat baik oleh kerana ada berbagai anomali di dalam Lapuran-lapuran Aziz, Suffian dan Harun. Dengan mengadakan Tribunal ini Kerajaan telah menunjukkan niat baik untuk mengatasi masaalah yang dihadapi oleh kesatuan sekerja di dalam negara kita. Saya harap juga Tribunal ini apabila berkuatkuasa jangan mengambil masa yang panjang, kerana kita telah menggunakan masa yang sangat panjang dan di-harap Tribunal ini akan menyelesaikan dengan seberapa cepat yang mungkin segala masaalah yang dihadapinya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Explanatory Statement (Huraian) Tribunal ini Kerajaan telah menegaskan:

“Pada membuat sesuatu keputusan berkenaan dengan sesuatu anomali Tribunal hendaklah menimbangkan tentang kepentingan negara, implikasi kewangan dan kesan keputusan itu ke atas ekonomi negara”.

Demi kepentingan negara, itu saya faham apabila ketua kesatuan sekerja di dalam negara kita mengugut iaitu mereka akan mengadakan mogok, work-to-rule atau go slow ini boleh menjadi atau akan menjadi

galakan kepada pihak kominis untuk memburukkan keadaan dalam negara kita, untuk memburukkan ketenteraman dan keharmonian negara. Saya ingin memberi nasihat (caution) kepada ketua kesatuan sekerja supaya janganlah fall into the communist trap. Daripada masa ke semasa ketua kesatuan sekerja mengugut Kerajaan iaitu mereka akan mogok atau go slow atau work-to-rule. Inilah yang pihak kominis, anasir-anasir subversif dan anti-nasional sentiasa menunggu untuk menimbulkan keadaan seperti ini. Jadi, saya suka mengambil peluang ini untuk memberikan amaran kepada ketua kesatuan sekerja iaitu janganlah kita jatuh dalam perangkap (trap) kominis.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun Tribunal ini tidak membenarkan mogok work-to-rule atau go slow, saya harap sebagai sebuah Kerajaan, pihak Kerajaan memang reciprocate niat baik kepada kesatuan sekerja di dalam negara ini apabila kita mengalami satu-satu perkara seperti gaji. Sebagaimana kita sedia maklum, gaji ialah satu perkara yang amat penting untuk kehidupan rakyat kita. Di sini kita membawa satu Rang Undang-undang yang saya fikir amat penting dan patut Kerajaan membawanya lama dahulu dan Rang Undang-undang Tribunal seperti ini menjadi amat penting kepada sebuah negara yang sedang membangun dan di mana kesatuan sekerja menjadi sangat aktif tetapi kesatuan sekerja tak faham atau sengaja tak mahu faham dengan masaalah seperti keselamatan negara, implikasi kewangan dan sebagainya. Memandangkan negara-negara di Eropah dan lain-lain ketua-ketua kesatuan itu ialah orang-orang yang terus memberi sokongan kepada Kerajaan, tetapi di sini yang kita alami atau yang ada pada masa sekarang Ketua Kesatuan-kesatuan Sekerja cuma ingin gaji pekerja-pekerja sahaja dan tidak memandang kepada hal ehwal atau masaalah yang negara sedang mengalami. Jadi ini menunjukkan mereka tidak bertanggungjawab.

Saya juga bercadang patut Kerajaan mengadakan seminar-seminar atau kursus-kursus kepada ketua-ketua union di mana mereka boleh ketahui masaalah-masaalah yang dihadapi oleh Kerajaan. Sungguhpun mereka telah pergi ke mesyuarat-mesyuarat antarabangsa kesatuan, tetapi saya dapat tiada apa-apa seminar atau kursus diberi oleh Kerajaan kepada pemimpin-pemimpin union.

Oleh sebab itu, tiada apa-apa perhubungan rapat antara Kerajaan dan union dan saya harap cadangan dan pandangan-pandangan saya akan diterima dan sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya bersungguh-sungguh menyokong Undang-undang ini.

5.32 ptg.

**Datuk Syed Hassan Aidid:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam 1977.

Sebagaimana sahabat-sahabat saya bercakap Rang Undang-undang ini patut dijalankan pada awal lagi tetapi oleh kerana ada perkara-perkara yang tertentu boleh jadi terpaksa dibawa pada hari ini. Kita benar-benar jemu dengan perkataan mogok, work-to-rule, picket dan sebagainya dan dengan adanya undang-undang ini, saya percaya akan membawa satu penyelesaian antara pemimpin-pemimpin kesatuan dan Kerajaan.

Dalam masa beberapa bulan dengan banyaknya perkara-perkara pertelingkahan di antara kedua-dua pihak ini, maka seringkali tension berlaku dan juga penduduk di negara ini selalu suspense kerana kesatuan-kesatuan sekerja telahpun mengapi-apikan kakitangan Kerajaan supaya bermogok dan sebagainya. Di sini bukanlah saya hendak puji, kakitangan Kerajaan yang ada dalam negara kita sebanyaknya 500,000 orang lebih kurang telah menjalankan kerja-kerja mereka dengan jujur dan dengan licin walaupun ada kepincangan di sana sini. Kalau tidak dengan usaha mereka tentu sekalilah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga tidak berjalan sebagaimana yang kita ketahui pada hari ini dan saya percaya dengan adanya Tribunal ini akan boleh menyelesaikan perkara dua pihak ini dan dengan penyelesaian ini, maka pemodal-pemodal daripada luar negeri tidak lagi takut untuk menanam modalnya di negara ini. Nasib kita kurang baik negara kita ini telah dihadapi atau diancam oleh berbagai-bagai ancaman iaitu ancaman kegiatan dadah, kegiatan subversif dan kegiatan komunis dan dalam tengah-tengah kegiatan-kegiatan ini datang pula kegiatan hendak mogok. Jadi saya fikir sudah sampai masanya dengan kejujuran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan Kerajaan kita mengadakan Tribunal ini supaya menyelesaikan satu perkara yang cukup besar.

Dengan adanya Tribunal ini saya percaya keadaan tension atau tegang akan dihapuskan.

Sememanglah kita sedia ketahui iaitu kalau hendak beri puas hati manusia ini sampai bilapun tidak puas hati. Kalau dia dapat \$1,000 dia mahu \$2,000, kalau dapat \$2,000 dia mahu \$10,000 sehingga tiada limit. Jadi kita patut insaf, kita tidak patut melihat orang yang di atas, bahkan patut juga insaf kepada orang yang di bawah, misalnya, nelayan-nelayan, pak-pak tani kita dan orang kampung. Keseluruhan penduduk-penduduk Malaysia tidak kurang sepuluh juta dan kebanyakan daripada mereka menghadapi satu kehidupan yang susah. Misalnya, di kampung-kampung masih ada lagi orang yang pendapatannya tidak lebih \$100 walhal kakitangan Kerajaan yang pada dulunya tidak merasai satu penghidupan yang cukup memuaskan, mereka sekarang dengan bermotokar, ada rumah sendiri tiap-tiap bulan dapat gaji sekian-sekian banyak dan pencen pula apabila mereka bersara. Inilah satu perkara patut kakitangan Kerajaan dan khasnya kesatuan sekerja mengambil perhatian dan janganlah mengapi-apikan kakitangan Kerajaan, kerana ini akan membawa satu bencana kepada negara kita.

Saya kurang faham adakah Tribunal ini untuk menyelesaikan perkara-perkara yang bersangkutan dengan Lapuran Jawatankuasa Kabinet atau berjalan terus. Saya harap Tribunal ini akan dapat meneruskan tugas-tugasnya, bukan sahaja khusus kepada anomali-anomali berkenaan dengan Lapuran Jawatankuasa Kabinet, malahan Tribunal ini sangat berguna bagi menyelesaikan anomali-anomali yang akan berbangkit pada beberapa tahun akan datang.

5.38 ptg.

**Puan Zawiah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya turut sama dalam membahaskan Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam ini. Walaupun giliran saya adalah buat penutup pada petang ini, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Kerajaan kerana dapat mengadakan Rang Undang-undang yang amat penting ini. Memanglah sudah kena pada masanya Rang Undang-undang ini diadakan. Ini adalah memandangkan kepada masa-masa kebelakangan

ini Kerajaan kita seringkali menerima ugutan-ugutan dan tindak-tanduk oleh Kesatuan Sekerja dan akan mengambil tindakan mogok jika sekiranya satu-satu masalah terutama tuntutan-tuntutan yang tidak puas hati mengenai tanggagaji sebagaimana Lapuran Kabinet baharu-baharu ini. Dengan tidak mengira atau memikirkan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara dan juga rakyat umumnya, mereka mengugut dan bertindak adalah semata-mata di atas kepentingan segelintir manusia-manusia yang ada dalam Jawatankuasa Kesatuan Sekerja itu sahaja. Dengan adanya, Rang Undang-undang ini bukanlah untuk menyekat kebebasan kepada Kesatuan Sekerja untuk menuntut sebarang tuntutan bahkan undang-undang ini dapat menyelesaikan sebarang kepincangan berhubung dengan tanggagaji dan juga syarat-syarat perkhidmatan awam. Di samping itu juga dapat menghindarkan sedikit tindakan mogok oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu mengenai perlantikan ahli panel Tribunal ini hendaklah dilantik orang-orang yang betul-betul berkelayakan, berpengalaman juga daripada golongan orang-orang yang berkaitan dengan segala masalah Tribunal ini supaya sesuatu masalah dapat diselesaikan dengan baik, jujur dan dapat diterima oleh semua pihak atau golongan. Apa yang saya harap kepada Kerajaan janganlah gentar dan tunduk kepada sebarang tekanan atau ugutan Kesatuan Sekerja dan pihak Kerajaan juga hendaklah mengambil tindakan yang tegas supaya negara kita ini sentiasa berada di dalam suasana aman, makmur demi kepentingan rakyat seluruhnya.

5.41 ptg.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk Lee San Choon):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, komen dan mengeluarkan sentimen-sentimen atas Rang Undang-undang ini. Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini iaitu pandangan-pandangan dan sentimen-sentimen yang dikeluarkan akan ditimbang oleh Kerajaan apabila Kerajaan mengkaji polisi-polisi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang diterangkan Rang Undang-undang ini adalah sebahagian daripada Lapuran Jawatankuasa

Kabinet yang telah diluluskan oleh Parlimen tidak lama dahulu. Inilah satu daya daripada pihak Kerajaan dan dalam Lapuran Jawatankuasa Kabinet juga untuk menyelesaikan anomali-anomali yang mungkin timbul apabila Kerajaan melaksanakan Lapuran Jawatankuasa Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat telah menimbulkan mengenai ahli-ahli penal Tribunal ini. Ada Ahli Yang Berhormat mendesak iaitu ahli-ahli panel ini patut dilantik daripada ahli-ahli yang mahir, yang ada pengalaman dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat minta iaitu ahli panel ini patut datang daripada broad representation dari semua golongan. Ada juga Ahli Yang Berhormat berkata Ahli panel ini tidak patut daripada pegawai-pegawai Kerajaan sahaja bahkan dari public (umum) juga termasuk tokoh-tokoh politik. Saya fikir sesuai juga saya menerangkan iaitu ahli panel Tribunal yang dicadangkan ini ialah untuk memutuskan perkara-perkara yang akan dirujuk kepada dan jikalau didapati perkara yang dirujuk kepada Tribunal ini adalah anomali, Tribunal ini akan memberi keputusan untuk membetulkan anomali ini.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, soal gaji ini adalah satu soal yang cukup kompleks, salary structure adalah soal yang kompleks khasnya pekerja-pekerja yang berkenaan lebih daripada setengah juta pekerja. Oleh sebab itu supaya Tribunal ini dapat menjalankan tugas dengan licin dan effective, pengerusinya dan ahli-ahli panelnya patut datang daripada orang-orang yang ada pengalaman, yang mahir, yang faham complexity dalam salary structure, dalam gaji dan orang-orang yang boleh memahami implikasi-implikasi daripada keputusan-keputusan yang dibuat. Sebab itulah Kerajaan bercadang mengadakan ahli-ahli daripada orang-orang, tokoh-tokoh yang ada pengalaman dalam pentadbiran. Seperti yang dicadangkan badan bebas ini akan jadi badan bebas dan selepas ahli panel telah dilantik, Kerajaan tidak bercadang untuk campur tangan dalam keputusan Tribunal ini iaitu kami ingin lihat badan bebas ini adalah betul-betul badan bebas.

Untuk mengelakkan salah faham saya ingin juga menegaskan iaitu Tribunal ini bukan untuk kajian gaji, samada naik gaji atau turun gaji secara dasar atau secara am. Tribunal ini bukan untuk kaji atau memberi

keputusan untuk naik gaji atau turun gaji secara am atau secara dasar—tidak. Sesuatu perkara yang sebelum dirujuk kepada Tribunal oleh satu dari dua pihak iaitu pihak Jabatan Perkhidmatan Awam atau pihak kesatuan atau seseorang sebelum dirujuk kepada Tribunal ada proceduranya untuk kedua-dua pihak berunding iaitu di antara pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan pihak kesatuan atau seseorang atau kesatuan. Jikalau selepas perundingan ini gagal, tidak dapat persetujuan satu dari dua pihak berhak merujuk pertikaian yang berlaku kepada Tribunal sebagai satu anomali. Tribunal, selepas memutuskan iaitu perkara yang dirujuk adalah satu anomali baru-lah Tribunal akan memberi keputusan macam mana membetulkan anomali itu.

Dalam perbahasan hari Jumaat yang lalu, ada beberapa orang Ahli Yang Berhormat memberi satu gambaran yang mengatakan kakitangan Kerajaan hendak gaji sahaja, tidak memperdulikan kerjanya. Ini gambaran yang mungkin tidak begitu menasabah, gambaran seperti ini memang ada, tetapi sedikit-sedikit sahaja kakitangan yang tidak begitu dedikasi dan rajin. Tetapi pada amnya kakitangan Kerajaan adalah berdedikasi dan ada yang memberi perkhidmatan yang bagus. Jadi untuk menjaga moral kakitangan Kerajaan patutlah kita memberi satu gambaran yang menasabah atau satu gambaran yang betul.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan juga berkenaan "work-to rule" dan "go slow". Sebenarnya, dalam Akta Perhubungan Perusahaan go slow adalah ditafsirkan sebagai tindakan perusahaan iaitu mogok (strike) dan ini adalah diharamkan. Manakala work-to-rule pula pada amnya tidak menjadi tindakan perusahaan (industrial action). Work-to-rule sebenarnya ialah bekerja mengikut peraturan dan syarat-syarat yang ada dan work-to-rule ini memang tidak jadi masaalah, tetapi malangnya ada kesatuan-kesatuan yang menggunakan nama work-to-rule ini. Yang jadi masaalah ialah adanya kesatuan-kesatuan dan adanya pemimpin-pemimpin Kesatuan yang menggunakan perkataan work-to-rule ini untuk mengurangkan kerja, mengurangkan produksi, ini adalah satu keadaan yang tidak sihat. Kementerian saya memang mengambil berat atas tindakan seperti ini dan jikalau perlu kami yakin dalam Akta Perhubungan

Perusahaan kami ada procedure untuk mengawal situasi seperti ini dan kalau perlu kami akan membawa pindaan kepada undang-undang yang berkenaan.

Ada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan perkara gaji bagi Angkatan Tentera. Saya ingin memberitahu kepada Dewan ini iaitu Jawatankuasa Pegawai yang mengkaji tanggagaji untuk anggota tentera ini telah diselesaikan perundingan atau kajian mereka dan satu keputusan akan dibuat tidak lama lagi oleh Kerajaan.

Beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga membangkitkan perkara berkenaan dengan tata tertib kakitangan Kerajaan. Saya ingin menerangkan bahawa dalam peraturan-peraturan yang ada sekarang nampaknya procedure yang ada adalah mencukupi untuk mengawal atas perkata tata tertib.

Ada juga Ahli Yang Berhormat yang bercadang misalnya dalam Fasal 11 (3), perjanjian-perjanjian yang telah dicapai lebih elok didaftar, itu memangnya tujuan Kerajaan mendaftarkan di bawah Fasal 23 Rang Undang-undang ini. Ahli Yang Berhormat itu juga menyoal iaitu di bawah seksyen 16 ahli-ahli Suruhanjaya Gaji dan Menteri-menteri tidak boleh disaman supaya memberi keterangan di hadapan Tribunal macam mana Menteri Besar pula. Saya fikir ini satu cadangan yang baik dan saya akan bawa kepada Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan.

Ahli Yang Berhormat ada juga bertanya bagaimana pula keadaan orang-orang yang telah bersara, samada pencen dinaikkan atau tidak. Sebenarnya perkara ini Kerajaan sedar dan Kerajaan sedang mengkaji perkara ini iaitu perkara ini sedang ditimbang sama ada boleh atau tidak kita memberi beberapa perubahan untuk kadar pencen.

Cadangan untuk meniggikan hukuman ada dibawa juga, dan cadangan untuk mengubah Trade Union Law yang ada sekarang telah ditimbulkan dan saya ingin memberitahu iaitu cadangan-cadangan seperti ini akan ditimbang oleh Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menegaskan iaitu pandangan-pandangan daripada 23 orang Ahli-ahli

Yang Berhormat (Senators) akan ditimbang-kan apabila Kerajaan mengkaji dasar Kerajaan dari semasa ke semasa.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 23* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PINJAMAN (BANK PEMBANGUNAN ISLAM)**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas Masa-alah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (4hb Ogos, 1977).

6.03 *ptg.*

### **Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:**

Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya tempoh hari saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang Bank Pembangunan Islam.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa dulu, orang Islam terutama sekali orang Melayu memikirkan iaitu orang Islam ini cuma untuk hidup di atas dunia ini sebagai hendak hidup sahaja. Orang Islam di Tanah Melayu ini memikirkan dunia ini kita menumpang sahaja. Menumpang hidup menderita, kemudian kita mati. Diakhiratlah sahaja di mana kita akan mendapat tempat, di mana ada mahligai-mahligai yang menanti kita dan juga ada ramai bidadari akan dapat pada lelaki. Barangkali Yang Berhormat Menteri boleh terangkan lebih lanjut lagi atas perkara ini.

Jadi anggapan inilah, yang menyebabkan kemunduran orang Islam di sini. Tetapi, kalau kita baca balik tawarikh orang Islam pada suatu masa dahulu, orang Islam ini bukan sahaja satu bangsa yang beragama Islam yang boleh menawan bukan sahaja negeri-negeri Arab tetapi mereka juga berjaya menawan sampai ke Afrika seperti di Algeria, Libya, Morocco dan dari situ menyeberang pula sampai ke Sepanyol, ke selatan Italy sampai ke Bolkan. Begitu besar Empira Islam pada masa itu. Pada masa itu Islam tidak menyatakan yang Islam untuk hidup di atas dunia buat sementara. Tetapi Islam pada masa itu, boleh membuat rumah batu yang besar-besar, boleh membuat kajian-kajian kira-kira, algebra, geometri dan sebagainya yang mana kita nampak pada hari ini di Sepanyol masih ada lagi terdiri bangunan-bangunan yang didirikan oleh orang Islam.

Tetapi apakah sebabnya kejatuhan Islam. Kejatuhan Islam ialah kerana kita juga, oleh kerana kita tidak mengikut ajaran Islam yang sebenarnya. Kita tidak langsung mengikut ajaran Islam kerana kita fikir yang perkara itu lain; cuma diajar oleh guru-guru yang tidak bertanggungjawab, terutama sekali kepada orang Melayu—orang kita, yang mengatakan dunia ini untuk sementara, untuk menumpang sahaja. Sebab bukan sahaja guru-guru agama di tanahair kita dulu, sekarang sudah progresif semuanya. Bukan sahaja di India malahan di negrei China pun orang Islam di sana di waktu saya belajar di negeri China ada 30-40 juta orang Islam di negeri China, orang Islam di negeri China juga mundur. Di mana sahaja di ceruk rantau dunia ini juga Islam mundur. Pada hari ini barulah orang-orang Islam, Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya orang-orang yang berfikiran progresif, saya yakin dan percaya orang Islam boleh membangun. Orang Islam boleh membangun dengan cara-cara yang kita adakan iaitu kita pada hari ini membincangkan berkenaan dengan Bank Pembangunan Islam. Tetapi Bank Pembangunan Islam jangan kita fikir Bank Pembangunan Islam ini untuk buat paip air di kampung dan letrik di kampung-kampung. Kalau diseluruh dunia Islam buat paip air dan letrik sahaja, tentu sekali wang yang kita keluarkan itu oleh kerana tidak ada faedah, akhirnya bank ini kosong. Bank Pembangunan Islam ini, akan membangun, akan membuat satu projek yang boleh bukan sahaja tidak mengambil

bunga tetapi projek-projek yang akan memberi faedah kepada bank ini. Dan faedah-faedah ini akan digunakan untuk muslihat orang Islam bukan sahaja membuat mesjid tetapi juga kita memerangi kemiskinan orang-orang Islam terutama sekali di tanahair kita dan juga orang-orang lain supaya fahaman-fahaman yang tidak diingini akan melarat keserata dunia.

Dengan sebab itu, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya akan Rang Undang-undang ini. Ini kerana saya fikirkan bukan idividu yang akan dapat keuntungan, bukan perseorangan yang mendapat keuntungan daripada Bank Pembangunan Islam dan tentulah ianya akan dipinjam oleh negeri ke negeri. Satu negeri dengan badan atau Bank Pembangunan Islam ini. Dengan sebab itu, kita terpaksa membuat satu undang-undang, kerana kalau negeri dengan negeri, boleh juga buat pinjam meminjam. Tetapi kalau satu badan dengan negeri, terpaksa dibuat undang-undang supaya dimaterikan undang-undang ini dengan secara rasmi. Sebagaimana Asian Development Bank (A.D.B.) dan World Bank mengadakan Rang Undang-undangnya. Maka terpaksa dibuat Rang Undang-undang begini supaya Rang Undang-undang Bank ini boleh terikat, maka boleh menjalankan tugas-tugasnya ini di dalam negeri itu. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini untuk kemajuan orang-orang Islam terutamanya di negeri ini kemajuan-kemajuannya dan untuk kebaikan seluruh rakyat negeri ini, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini.

6.11 ptg.

**Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap mengenai Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di Dewan ini minggu lepas iaitu mengenai satu Akta untuk mendapatkan peruntukan bagi Kerajaan Persekutuan mendapatkan pinjaman dari Bank Pembangunan Islam. Saya mengalu-alukan dan menyokong Rang Undang-undang ini dan saya juga mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita di atas inisiatifnya terhadap penubuhan Bank ini dan juga menyertai sebagai anggota bank ini.

Saya juga suka mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bekas

Perdana Menteri Malaysia yang mana semasa bertugas sebagai Setiausaha Agong Secretariat Islam di Jeddah telah memainkan peranan penting di atas penubuhan bank ini dan memperjuangkan konsep bank ini di serata negeri Islam supaya wujudnya bank yang ada sekarang iaitu Bank Pembangunan Islam yang Ibu Pejabatnya di Jeddah sekarang. Tentulah saya berfikir dalam pendapat saya sewaktu Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra di Jeddah beliau dapat melihat akan keadaan yang sebenar-benarnya bagi sebilangan besar negara-negara Islam iaitu negara Arab serta negara-negara Islam di Benua Africa, kerana keadaan alam semula jadi yang penuh dengan padang pasir di mana penduduk-penduduk menghadapi beberapa masalah yang pertama sekali pada pendapat saya adalah makanan, pakaian dan lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana keadaan seperti itu dan dengan adanya negara-negara Arab sekarang ini sudah menjadi sebagai pengeluar minyak petroliaam yang terbanyak dan terkaya dan berpengaruh di dunia ini maka dalam ilham Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman harus wang kekayaan ini disalurkan dalam bank ini, mungkin daripada wang yang banyak didapati daripada hasil minyak petroliaam ini supaya dapat Bank Pembangunan Islam ini pula menolong kepada negara-negara Islam yang belum maju dan sedang membangun supaya rakyat dalam negara-negara Islam ini juga dapat menikmati kesenangan bersama.

Bagi pendapat saya, dalam negara-negara Arab ini, masalah yang penting apa yang saya sebutkan tadi ialah soal makanan. Makanan seperti beras, jagung, binatang-binatang ternakan, telur dan pakaian, semuanya datang daripada neger-negeri luar dengan harga yang tinggi daripada harga yang didapati di dalam negeri-negeri dunia lain. Ini sedikit sebanyak telahpun dirasai kesempitan atau kesusahan oleh Jemaah-jemaah Haji kita yang pergi ke tanah suci dan merasa perbelanjaan makanan di sana adalah terlampau sangat tinggi harganya.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, adalah molek dan bijak jika negara kita ini sebuah negara yang subur tanahnya, apa sahaja ditanam pun akan mendapat hasil. Jadi, di waktu Yang Teramat Mulia Tunku menjadi Perdana Menteri melawat ke Sarawak dan telah membuat satu cadangan

dan cadangan itu pada hemat saya adalah baik supaya Negeri Sarawak yang mempunyai tanah yang luas dan besar itu patut dijadikan satu rancangan sawah padi yang terbesar di rantau Asia Tenggara ini. Kita tahu sungguhpun negara kita pada hari ini mengadakan rancangan pertanian yang besar di utara Semenanjung Malaysia iaitu di Kedah, Rancangan Perairan MUDA; Selangor di Tanjung Karang, di Kelantan Rancangan Kemubu, semuanya ini kita dapati tidak mencukupi untuk keperluan penduduk-penduduk kita di sini dan terpaksa kita membeli beras daripada luar negeri mengadakan stockpile beras untuk keperluan kita sendiri. Maka saya percaya jikalau Kerajaan kita pada hari ini menerima pandangan-pandangan Yang Teramat Mulia Tunku untuk mengadakan rancangan sawah padi yang terbesar sekali di Asia Tenggara ditempatkan di Sarawak saya percaya ianya sangatlah baik. Sungguhpun saya telah diberitahu apabila satu rombongan pakar telah melawat Sarawak untuk menjalankan feasibility studies maka didapati perbelanjaannya untuk membuat rancangan ini adalah perbelanjaan yang besar maka belum lagi rancangan ini dikemukakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga

Masalah ini saya fikir jikalau kita dapat wang pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam ini dengan alasan supaya membanyakkan makanan, iaitu membuat rancangan-rancangan sawah padi yang besar, saya fikir ini akan dapat menolong dan akan dapat mengeluarkan beras yang banyak, bukan dalam kawasan ini sahaja, tetapi dapat menolong rakyat negara-negara Islam yang hari ini menghadapi soal kekurangan makanan. Dengan itu saya fikir adalah elok perkara ini diwujudkan lagi kepada pihak Kerajaan kita supaya membincang dan mengkaji balik soal rancangan sawah padi besar di Sarawak dan juga bukan Sarawak sahaja tetapi di dalam Semenanjung Malaysia ini. Rancangan sawah padi ini juga yang kita sebut dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah rancangan-rancangan pertanian akan menjadi rancangan penting yang pertama oleh sebab menjamin supaya kemiskinan-kemiskinan penduduk-penduduk di luar bandar akan dapat dihapuskan kemiskinan ini. Dengan rancangan ini mengelakkan lagi rancangan pertanian dengan wang yang ada daripada bank ini. Saya percaya ini akan memberi faedah lagi bukan sahaja kepada

penduduk-penduduk di sini, iaitu penduduk di luar bandar tetapi akan mengatasi dan juga menyelesaikan masalah kekurangan makanan di dalam dunia sekarang ini yang dihadapi bertambah bilangan manusia yang ada di dalam dunia sekarang ini.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua.

6.23 ptg.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soai Bank Pembangunan Islam ini dan pinjaman-pinjaman bagi pembangunan yang disetujui dan sesuai dengan kemajuan negara dan Islam serta hubungannya dengan Islam adalah amat sesuai dan patut disetujui dan disokong. Banyak perkara yang menjadi faedah hasil dari pinjaman ini. Selain dari pembangunan serta membuat projek-projek pembangunan negara sesuai dengan syarat pinjaman tetapi yang lebih baik dan lebih elok serta lebih tepat ialah hubungan meluaskan antara negara-negara Islam di seluruh dunia yang akan menjadi kuasa dunia utama pada masa ini dan masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi suatu kebanggaan Islam bahawa negara-negara Islam telah menjadi dan akan menjadi kuasa utama di dunia masa sekarang dan masa akan datang, apa lagi diikuti dengan penubuhan Bank Pembangunan Islam serta pinjaman kepada negara Islam yang membangun khususnya dan kepada negara-negara lain yang memerlukannya. Kalau negara-negara lain berbangga dengan ekonominya, dengan bank-banknya maka sekarang dunia Islam dan kuasa-kuasa Islam tidak mahu tinggal berdiam membatu serta melihat sahaja pembangunan-pembangunan negara-negara lain. Maka dengan tertubuhnya Bank Pembangunan Islam yang sesuai dengan hukum Islam disemarakkan ke seluruh dunia menjadi satu tanda bahawa Islam itu tidak hanya beribadat sahaja bahkan membangun dan kuasanya sama setanding bahkan lebih dari negara-negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, antara lain-lain perkara yang patut diambil berat dan kalau boleh dijadikan peraturan berkenaan pinjaman dari Bank Pembangunan Islam ini usaha-usaha dan projek-projek pembangunan mestilah disesuaikan dengan ugama Islam dan yang berkenaan dengan Islam serta

pembangunannya samada dari segi keikhlasan, kejujuran dan kesucian Islam itu. Adalah tidak sesuai kalau pinjaman dari Bank Pembangunan Islam itu digunakan pula kepada yang tidak suci dan tidak jujur atau digunakan bagi kesempatan diri dan kepentingan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kebanyakan bank-bank yang ada pada hari ini pinjaman perseorangan antara orang-orang tertentu dan kenamaan pinjaman berjuta-juta ringgit selalu menjadi amalan yang merugikan dan menyusahkan. Kalau pinjaman itu benar-benar bertujuan kerana projek-projek pembangunan tidaklah menjadi masalah walaupun rugi tetapi projeknya ada. Tetapi setengah-setengah pinjaman itu hanya untuk faedah diri sendiri untuk membesarkan keluarga dan untuk lain tujuan keseronokan-keseronokan sahaja, maka ini sudah tentu merugikan. Maka saya berharaplah agar hasil pinjaman ini tidak disalahgunakan ke tempat yang tidak menjadi faedah. Satu yang menjadi kebanggaan dan penghargaan kita bahawa Bank Pembangunan Islam ini ialah ia tidak mengenakan bunga sebagai amalan bank-bank dunia yang lain, hanya perbelanjaan kerana urusan pinjaman itu sahaja yang dikenakan. Maka ini juga patut menjadi contoh dan tauladan yang penting kepada kita. Kejujuran dan keikhlasan serta bersih tujuan pinjaman itu akan mengekalkan nama baik negara kita dan menambah eratkan lagi hubungan antara negara kita dengan lain-lain negara Islam di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini kebijaksanaan Menteri Kewangan kita dan Timbalan Menteri yang masih muda itu akan diminta memainkan peranan penting dalam

soal penyelenggaraan pinjaman ini. Kita penuh percaya dan yakin akan kelayakan dan kejujuran Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri kita itu. Saya suka juga mengingatkan sedikit berkenaan dengan Islam supaya Menteri yang berkenaan selalulah berhubung dengan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam bagi pelancaran usaha-usaha dan hukum-hukumnya.

Dengan ini saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini serta menyokong penuh atas kebijaksanaan Menteri dan Timbalan Menteri yang berkenaan.

*6.29 ptg.*

**Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bernama Akta Pinjaman (Bank Pembangunan Islam), 1977 yang dibentangkan pada 4 hari-bulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang atau Bil ini didatangkan ke Dewan ini tujuannya ialah untuk membenarkan Kerajaan membuat pinjaman kepada Bank Pembangunan Islam yang baru sahaja wujud pada masa ini.

**Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat,** masa sudah cukup. Sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak menyambung ucapannya, bolehlah disambung pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 9hb Ogos, 1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*